



**KUMPULAN RENTAS PARTI PARLIMEN MALAYSIA**

Mengenai Matlamat  
Pembangunan Lestari



LAPORAN  
TAHUNAN  
2020





**1** MENYIAPKAN KEMISKINAN

**2** MENYIAPKAN KELAPARAN

**3** KESEHATAN YANG BAIK DAN KESEHATAN

**4** PENDIDIKAN BERMUTU

**5** KESETERAPAN GENDER

**6** AKSES AIR BERSIH DAN CANTAS

**7** ENERGI BERSIH DAN TERBARUKAN

**8** PEKERJAAN BAIK DAN PERTUMBUHAN EKONOMI

**13** PEMERINTAHAN PERUBAHAN IKLIM

# TUJUAN GLOBAL

Untuk Pembangunan Berkelanjutan

**9** INFRASTRUKTUR, INDUSTRI DAN INOVASI

**10** MENYIAPKAN KETIMPANGAN

**17** KEMITRAAN UNTUK MEMBAKUTUJUAN

**11** KOTA DAN KOMUNITAS YANG BERKELANJUTAN

**12** KONSUMSI DAN PRODUKSI YANG BERKELANJUTAN

**14** KEKAYAAN LAUT

**15** MELINDAI EKOSISTEM DARAT

**16** PERDAMAIAN, KEADILAN DAN KEMERDEKAAN BERKELANJUTAN

**17** KEMITRAAN UNTUK MEMBAKUTUJUAN

# Kandungan

---

## KATA-KATA ALUAN

**YB Dato' Sri Mustapa Mohamed (Menteri  
Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi))**

**YB Dato' Sri Hajjah Rohani Abdul Karim  
(Pengerusi)**

**YB Maria Chin (Naib Pengerusi)**

**Speaker Dewan Rakyat**

**UN Resident Coordinator**

**Ketua Sekretariat**

## PENGLOKALISASIAN SDGs

Gambaran Keseluruhan  
oleh Prof Datuk Dr. Denison Jayasooria 15

Metodologi Penyelidikan & Hasil Kajian  
oleh En. Alizan Mahadi 17

Metodologi Solusi & Projek oleh Dr. Lin Mui Kiang 24

Agenda Penglokalisasian SDGs di Kawasan  
Parlimen oleh Ketua Koordinator 28

Program Pembangunan Kapasiti oleh  
oleh Dr. Zainal Abidin Sanusi 50

Projek Solusi & SDGs oleh  
oleh En. Anthony Tan Kee Huat 55

Pemantauan Dan Penilaian  
oleh Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli 57

## MAKLUMAT INSTITUSI

■ Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG	59
■ Sekretariat APPGM-SDG	60
■ Rakan Sekutu APPGM-SDG	60
■ Ketua Koordinator Fasa Perintis 2020	61
■ Penyelidik Fasa Perintis 2020	61
■ Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG	63
■ Tarikh Lawatan Tapak APPGM-SDG	63
■ Tarikh Mesyuarat Utama Bersama EPU, DOSM, Speaker Parlimen, United Nation & MTE	64
■ Projek Solusi Fasa Perintis 2020	67
■ Program Pembangunan Kapasiti Fasa Perintis 2020	70
■ Tarikh Seminar/Bengkel Utama	72
■ Malaysian CSO SDG Alliance & Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari	72

## PENYATAAN AKAUN YANG DI AUDIT

■ Satu muka surat ekstrak	
---------------------------	--

## JADUAL

Jadual 1 <b>6 Langkah Aktiviti Pemetaan Isu</b>	18
Jadual 2 <b>Tema Utama &amp; Ciri-Ciri Mengikut Kawasan Parlimen</b>	19
Jadual 3 <b>Kumpulan-kumpulan sasaran yang ketinggalan di belakang mengikut kawasan parlimen</b>	20
Jadual 4 <b>Garis masa pelaksanaan P&amp;P SDG - Jantina</b>	58
Jadual 5 <b>Ketua Koordinator (Fasa Perintis 2020)</b>	61
Jadual 6 <b>Penyelidik Fasa Perintis 2020</b>	61
Jadual 7 <b>Senarai Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG (Fasa Perintis 2020)</b>	63
Jadual 8 <b>Senarai Tarikh Lawatan Tapak APPGM-SDG</b>	63
Jadual 9 <b>Senarai Tarikh Mesyuarat Utama APPGM-SDG</b>	64
Jadual 10 <b>Senarai Projek Solusi Fasa Perintis 2020</b>	67
Jadual 11 <b>Senarai Program Pembangunan Kapasiti Fasa Perintis 2020</b>	70
Jadual 12 <b>Senarai Tarikh Seminar/Bengkel Utama Fasa Perintis 2020</b>	72
Jadual 13 <b>Senarai Ahli Malaysian CSO-SDG Alliance Bagi Tahun 2020</b>	73
Jadual 14 <b>Senarai Forum &amp; Perbincangan Malaysian CSO-SDG Alliance Bagi Tahun 2020</b>	75



**KATA-KATA  
ALUAN**

---

**APPGM-SDG**

# Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)



**YBM Dato' Sri Mustapa Mohamed**  
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)

Sekalung tahniah kepada Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari - "All-Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals (APPGM-SDG) di atas penerbitan Laporan Tahunan 2020 ini.

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi APPGM-SDG, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim dan Naib Pengerusi, YB Puan Maria Chin Abdullah dan semua Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG serta Sekretariat yang diketuai oleh Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria. Satu usaha yang amat membanggakan telah ditunjukkan oleh APPGM-SDG dalam menerapkan Matlamat Pembangunan Lestari. Ketika kita semua mengharungi cabaran pandemik COVID-19, APPGM-SDG terus mengorak langkah dalam melunaskan tanggungjawab yang digalas.

Menghampiri penghujung Fasa Pertama ke arah memartabatkan Matlamat Pembangunan Lestari di Malaysia, kita dapat menyaksikan prestasi SDG negara terus bertambah baik. Peranan yang dimainkan oleh APPGM-SDG amat penting dalam membantu mencapai Matlamat Agenda 2030.

Kerajaan Malaysia sentiasa komited dalam mencapai matlamat SDG dengan memberi tumpuan kepada lima bidang utama (kemajuan masyarakat, penjagaan bumi, kemakmuran, keamanan dan kerjasama) dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).

Penambahan peruntukan daripada RM2 juta pada tahun 2020 kepada RM5 juta pada tahun ini menunjukkan sokongan kerajaan Malaysia terhadap gerak kerja APPGM-SDG. Jabatan Perdana Menteri, terutamanya Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU) serta Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menjalin kerjasama yang erat bersama APPGM-SDG. Kerjasama ini amat penting bagi mencapai matlamat (SDG).

Projek-projek solusi dan program pembangunan kapasiti yang dijalankan di 10 kawasan parlimen yang terlibat di seluruh negara pada tahun 2020 telah diadaptasi mengikut kesesuaian penduduk tempatan merentas kaum, bangsa dan jantina. Projek-projek ini bukan sahaja akan membantu kumpulan masyarakat yang terkesan dengan Covid-19, namun usaha berpanjangan dalam memastikan kelestarian projek-projek tersebut menjadikan gerak kerja APPGM-SDG ini unik sekaligus meletakkan Malaysia sebagai negara yang komited dalam mencapai SDGs.

Akhir kata, sekali lagi saya ingin ucapkan tahniah kepada pihak APPGM-SDG dan semoga terus maju jaya!



# Pengerusi APPGM-SDG



**DATO SRI ROHANI ABDUL KARIM**  
**Pengerusi APPGM-SDG &**  
 Ahli Parlimen Batang Lupar

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh & Selamat Sejahtera

Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan buat Sekretariat APPGM-SDG di atas penerbitan Laporan Tahunan 2020 yang memberikan gambaran jelas berkaitan program dan segala usaha yang telah dilakukan APPGM-SDG sepanjang tahun 2020. Tahun 2020 merupakan tahun yang sangat mencabar bukan sahaja bagi kita malah diseluruh dunia akibat daripada pandemik Covid-19 yang melanda.

Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, APPGM-SDG tetap terus mengorak langkah menjalankan segala perancangan yang diatur walaupun berdepan dengan pelbagai rintangan. Saya percaya pasukan kita telah melakukan yang terbaik dalam menggalas tanggungjawab melaksanakan amanah yang diberikan dalam pembangunan kapasiti dan projek-projek solusi di kawasan parlimen yang terlibat.

Tahun 2020 melakar satu lagi sejarah buat APPGM-SDG apabila kerajaan telah memperuntukkan RM5 juta dalam Pembentangan Belanjawan 2021 melihat kepada kepentingan serta mendukung pelaksanaan SDG di negara ini. Bagi pihak APPGM-SDG ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kerajaan Malaysia & Parlimen Malaysia yang memberi kepercayaan kepada Malaysian CSO SDG Alliance sebagai Sekretariat rasmi untuk melunaskan amanah besar ini, Kementerian Kewangan

Malaysia yang memberi mandat peruntukan untuk melaksanakan aktiviti penglokalisasi SDG, rakan-rakan ahli parlimen, agensi-agensi Kerajaan di peringkat Persekutuan, Negeri dan tempatan, rakan-rakan pertubuhan awam masyarakat, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan orang perseorangan yang terlibat sepanjang tempoh aktiviti APPGM-SDG dijalankan serta turut menjadi tulang belakang bagi melaksanakan projek-projek di bawah APPGM-SDG selama ini.

Tanggungjawab dan amanah yang saya galas dalam menerajui organisasi ini bersama pasukan yang cukup berdedikasi, insyaAllah akan saya laksanakan agar segala apa yang digariskan dapat dilunaskan dengan cemerlang. Saya turut mengalu-alukan rakan-rakan Ahli Parlimen yang baru menyertai usaha ini serta rakan-rakan Ahli Parlimen yang lain agar turut menggalas tanggungjawab dalam melokalisasi SDG secara menyeluruh di kawasan parlimen masing-masing. Kita sendiri yang mencorakkan matlamat yang tergaris di dalam SDG mengikut acuan kita sendiri bersesuaian dengan negara kita.

Sekali lagi saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada Sekretariat APPGM-SDG atas amanah yang dilaksanakan dengan cemerlang. Berdepan dengan norma baharu memerlukan semangat juang dan kental untuk kita terus berada di landasan yang betul dalam merealisasikan rencana APPGM-SDG.

Sekian, terima kasih.

# Naib Pengerusi APPGM-SDG



**Maria Chin Abdullah**  
**Naib Pengerusi APPGM-SDG**  
 Ahli Parlimen Petaling Jaya

Salam Sejahtera.

Sukar dipercayai bahawa APPGM-SDG sudah mencapai usia satu tahun dan projek solusi terus berjalan walaupun negara kita dan seluruh dunia menyaksikan wabak Covid-19 yang belum pernah terjadi sebelumnya. Pandemik ini telah memberi tekanan kuat untuk terus mempercepatkan pemulihan ekonomi kerana kebanyakan sektor ekonomi menghadapi penutupan dan berjuang dalam mengatasi krisis ekonomi. Oleh itu, kewujudan projek-projek solusi APPGM-SDG pada masa ini adalah amat bertepatan dan ianya menunjukkan bahawa melalui penyelesaian kreatif dan inovatif, kita semua mampu menghadapinya.

Walaupun kami baru sahaja bermula dengan sepuluh kawasan parlimen, projek-projek tersebut telah memberikan pengharapan kepada mereka di peringkat akar umbi untuk menghadapi cabaran yang mereka lalui selama ini.

APPGM-SDG mempunyai projek yang membina ketahanan dan kesinambungan antaranya untuk meningkatkan pendapatan bagi petani dan masyarakat miskin seperti pertanian organik di Bentong; membina infrastruktur padi di Kg. Rampazan, Papar untuk membolehkan penuaian berganda; memulakan pusat pembersihan sampah dan pemasangan pusat beli balik untuk mengatasi masalah pembuangan sampah yang tidak lestari di kawasan penempatan air di dua kampung di Tanjung Piai; dan mengaktifkan ekopelancongan di Pendang dengan fokus pada ekosistem perniagaan berpusatkan masyarakat.

Projek lain melibatkan perundingan antara agensi dan usaha bersama untuk menyatukan pelbagai

jabatan, sektor korporat dan CSO bagi mendapatkan input berkaitan polisi yang lebih menyeluruh. Pelbagai program pembangunan kapasiti dilakukan yang menyentuh mengenai pendidikan, hak wanita, migran, pelarian, perumahan, pertanian, pengurusan sampah dan pentadbiran di peringkat tempatan. Penglibatan komuniti yang inovatif seperti pemetaan cabaran budaya.

Faktor utama kejayaan projek-projek solusi ini adalah kerana ianya datang daripada cadangan oleh penduduk-penduduk di peringkat akar umbi sendiri. Penglibatan kolektif pelbagai agensi telah membantu APPGM-SDG membuat keputusan dari bawah ke atas dengan lebih efektif. APPGM-SDG kini di peringkat penyelesaian projek solusi dan saya yakin bahawa hasilnya akan memberi banyak nilai tambah yang dapat dipelajari dan akan menunjukkan bagaimana matlamat pembangunan lestari dapat dicerapkan kepada mereka di peringkat akar umbi yang sangat memerlukan idea, sokongan dan perubahan dari semasa ke semasa.

Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah menjayakan projek ini - YB Datuk Rohani Abdul Karim, Ketua APPGM-SDG, sepuluh anggota parlimen yang dengan murah hati membenarkan kawasan parlimen mereka dikunjungi, dan bersifat terbuka untuk idea-idea baru dan cadangan; Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Sekretariat APPGM-SDG, ISIS Malaysia, Perikatan CSO-SDG Malaysia, jabatan dan agensi kerajaan dan sukarelawan yang telah memberikan sokongan yang berterusan.

Terima kasih. Martabat untuk semua.

# Speaker Dewan Rakyat



**DATUK AZHAR AZIZAN HARUN**

Speaker Dewan Rakyat  
Parlimen Malaysia

Tahniah kepada Kumpulan Parlimen Semua Parti Malaysia (APPGM-SDG) di atas penerbitan Laporan Tahunan 2020 ini.

Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia merupakan satu platform yang baik yang telah di adaptasi oleh Parlimen Malaysia daripada Parlimen United Kingdom. Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari adalah APPGM pertama yang telah ditubuhkan oleh Parlimen Malaysia diikuti oleh dua APPGM yang lain; APPGM Mengenai Pembaharuan Penjara Dan Tempat Tahanan (Prison Reforms) dan APPGM Mengenai Polisi Pelarian di Malaysia (Refugees).

Matlamat Pembangunan Lestari (Sustainable Development Goals - SDG) adalah Agenda global, nasional dan tempatan yang penting untuk memastikan tiada sesiapa yang ketinggalan. Dalam hal ini, Ahli-Ahli Parlimen harus mendepankan dua peranan utama. Pada satu tahap, anggota parlimen bertemu di parlimen untuk membincangkan dasar nasional. Mereka juga harus aktif berusaha untuk mengemukakan isu-isu tempatan dan analisis situasi yang dikenalpasti bagi tindakan lanjut oleh pihak kerajaan Persekutuan. Dalam konteks ini, APPGM-SDG menyediakan platform yang bertepatan untuk Ahli-Ahli Parlimen mengenal pasti isu-isu tempatan yang dihadapi oleh masyarakat di peringkat akar umbi di kawasan mereka.

Sepanjang tahun lalu, pasukan APPGM-SDG telah melaksanakan mandat untuk melokalisasikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dengan mengadakan lawatan lapangan ke 10 kawasan

parlimen dan 34 projek penyelesaian tempatan telah dikenal pasti dan dilaksanakan mengikut konsep SDG sepenuhnya di 10 kawasan parlimen tersebut. Selain itu, APPGM-SDG juga telah melakukan 22 program pembangunan kapasiti bersama agensi-agensi kerajaan dan anggota-anggota masyarakat setempat. Ini adalah satu pencapaian yang membanggakan.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG yang telah memainkan peranan yang sangat aktif pada tahun 2020. Selain itu, semasa pelaksanaan penglokalisasi SDG di 10 kawasan Parlimen yang terlibat itu, saya dapati kesemua Ahli-Ahli Parlimen yang terlibat telah memainkan peranan penting dari awal sehingga ke akhirnya. Tahniah saya ucapkan. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Sekretariat APPGM-SDG yang diketuai oleh Prof Datuk Dr. Denison Jayasooria di atas pelaksanaan kerja yang cemerlang ini.

Satu petanda aras yang baik bagi kumpulan ini apabila Kementerian Kewangan telah memperuntukkan RM 5 juta untuk APPGM-SDG pada tahun 2021 untuk melaksanakan mandat di 20 kawasan parlimen baharu bersama dengan 10 kawasan parlimen yang sedia ada. Ini adalah sokongan yang sangat baik oleh kerajaan Malaysia terhadap gerak kerja APPGM-SDG.

Saya doakan yang terbaik buat bagi setiap satu usaha yang diambil oleh APPGM-SDG di masa hadapan!

# UN Resident Coordinator



**En. Stefan Priesner**  
UN Resident Coordinator  
Malaysia, Singapore and Brunei Darussalam

Bagi pihak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (APPGM-SDG) di atas penerbitan Laporan Tahunan pertama mereka yang sangat mengagumkan. APPGM-SDG telah memainkan peranan penting dalam menggerakkan aktiviti penglokalisasi SDG di peringkat subnasional, melalui kepimpinan YB Dato' Sri Hajjah Rohani Abdul Karim sebagai Pengerusi, YB Puan Maria Chin Abdullah sebagai Naib Pengerusi dan Malaysian CSO SDG Alliance sebagai Sekretariatnya .

APPGM-SDG adalah satu model contoh penglibatan dua hala pihak parlimen untuk mencapai hasrat bersama di bawah Agenda Pembangunan 2030 dan kerangka pelaksanaannya, iaitu Matlamat Pembangunan Lestari (SDGs) dengan kerjasama penuh bersama CSO/NGO, akademik dan wakil masyarakat.

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia amat berbesar melibatkan diri di dalam perjalanan APPGM-SDG sejak dari awal penubuhannya pada tahun 2018. Masih jelas di ingatan saya mengenai pembentangan mengenai "Peranan Parlimen dalam mencapai SDG" di dalam seminar yang diadakan di Dewan Rakyat pada bulan Disember 2017, yang mana saya yakin telah menyumbang kepada inspirasi pembentukan APPGM-SDG.

Sekalung pujian kepada Kerajaan Malaysia yang telah memperuntukkan RM 2 juta di dalam Belanjawan Nasional 2020 dan RM 5 juta bagi tahun 2021 untuk menyokong kerja cemerlang oleh APPGM-SDG dan Malaysia CSO-SDG Alliance bagi terus menggerakkan usaha penglokalisasi SDG dan projek-projek solusi

di 10 kawasan parlimen Fasa Perintis 2020 dan 20 kawasan parlimen tambahan pada tahun 2021. Ini telah mendorong usaha proaktif APPGM-SDG dalam mewujudkan kesedaran mengenai SDG, mengenal pasti isu dan penyelesaian dan melaksanakan projek-projek solusi. Kerjasama antara APPGM-SDG dengan Kerajaan Persekutuan, Negeri dan tempatan dengan sokongan CSO adalah bertepatan dengan SDG 17 (Perkongsian untuk Pembangunan) dan tanpa kita sedar telah menetapkan penanda aras baru bagi penglibatan pelbagai pihak di dalam gerak kerja SDGs.

Hanya ada sembilan tahun sebelum kemuncak Agenda 2030 dalam mencapai SDGs dan pandemik COVID-19 yang belum pernah terjadi sebelumnya telah memberi tamparan hebat kepada kemajuan yang telah dicapai oleh negara-negara terlibat. Pendekatan inklusif yang melibatkan semua lapisan masyarakat dari pembuatan dasar untuk mengatasi jurang dan cabaran di peringkat masyarakat adalah amat penting jika kita ingin mencapai matlamat untuk memastikan tiada siapa ketinggalan, menangani perubahan iklim dan melindungi alam sekitar serta biodiversiti untuk generasi pada masa ini dan yang akan datang .

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di Malaysia mengharapkan penglibatan yang lebih mendalam dan programatik untuk membantu mempercepatkan kemajuan SDGs.

Kami bersedia untuk terus berganding bahu bersama-sama APPGM-SDG dalam mencapai SDGs.

Terima kasih.

# Ketua Sekretariat



**Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria**

Ketua Sekretariat  
APPGM-SDG

Saya amat berbesar hati untuk berkongsi kata-kata Saluan di dalam Laporan Tahunan Pertama kami. APPGM-SDG telah ditubuhkan pada bulan Oktober 2019 oleh Parlimen Malaysia dan dengan peruntukan khas melalui Belanjawan 2020, APPGM-SDG dapat menjalankan Penglokalisasian SDG di 10 kawasan parlimen di dalam Fasa Perintis 2020.

Satu perjalanan yang amat bermakna bagi APPGM-SDG apabila dapat menjalinkan hubungan dan kerjasama rapat dengan ahli-ahli parlimen dan Unit Perancang Ekonomi (UPE). Kerjasama ini sememangnya telah membuka ruang kerjasama yang lebih besar dengan pemimpin-pemimpin masyarakat setempat dan penjawat awam di peringkat tempatan. Pemimpin CSO dan NGO yang merupakan sebahagian daripada Malaysian CSO SDG Alliance telah menjadi rakan aktif dalam proses ini. Pasukan Pertubuhan Negara Bangsa-bangsa Bersatu (United Nation) juga telah memainkan peranan dan memberi sokongan yang sangat kuat terhadap gerak kerja pasukan kami.

Objektif Laporan Tahunan 2020 APPGM-SDG ini adalah untuk mendokumentasikan aktiviti dan gerak kerja APPGM-SDG semasa Fasa Perintis 2020 serta berkongsi kerjasama-kerjasama yang telah dimeterai dan penglibatan dengan pelbagai aktiviti sehingga saat ini. Kami merasakan perlu untuk mendokumentasikan pengalaman kami dan memberikan gambaran yang tepat mengenai kerja, penemuan dan cadangan lanjut mengenai penglokalisasian SDG.

Sebagai tambahan kepada naratif gerak kerja APPGM-SDG, kami juga merasakan perlu untuk menunjukkan penyata akaun dana yang telah diaudit kepada semua pihak. Kami diperuntukkan RM 2 juta tetapi kerana beberapa kelewatan dalam gerak kerja berikutan wabak COVID-19, hanya RM 1.6 juta telah disalurkan dan digunakan.

Laporan ini juga akan menunjukkan beberapa projek solusi yang masih berjalan pada tahun 2021. Kami juga mendapat persetujuan dari Kementerian Kewangan untuk menggunakan peruntukan daripada Belanjawan 2021 bagi menyelesaikan semua pembayaran tertunggak yang telah dilakukan pada tahun 2020.

Gerak kerja APPGM-SDG disokong hebat oleh Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG yang juga merupakan sebahagian peserta gerak kerja di Fasa Perintis 2020. Kami mendapat sokongan penuh daripada, Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusof, Speaker Dewan Rakyat terdahulu, dan Speaker Dewan Rakyat terkini, Datuk Azhar Azizan dalam semua usaha kami. Kami juga mendapat sokongan berterusan daripada kakitangan Parlimen di bahagian pentadbiran, kewangan dan penyelidikan.

Kami mempunyai pasukan sukarelawan daripada pelbagai CSO/NGO dan dua kakitangan sepenuh masa pada tahun 2020 yang sangat komited terhadap SDG. Mereka semua telah memainkan peranan utama dalam projek perintis. Kesabaran, dorongan, ketahanan, kerja keras dan sokongan mereka telah memastikan gerak kerja APPGM-SDG berjalan dengan lancar.

Bagi pihak Sekretariat APPGM-SDG saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi); Speaker Dewan Rakyat; Pengerusi & Timbalan Pengerusi APPGM-SDG dan UN Resident Coordinator. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Sekretariat dan dua kakitangan APPGM-SDG iaitu Puan Nur Rahmah Othman dan Encik Anthony Tan Kee Huat di atas perkhidmatan mereka pada tahun 2020.

Doa dan harapan saya adalah ketika anda membaca Laporan Tahunan 2020 APPGM-SDG ini, anda akan mendapat inspirasi untuk memastikan bahawa "Tiada Sesiapa Ketinggalan" di dalam masyarakat Malaysia.

A circular graphic composed of 17 colored segments arranged in a ring around a central orange circle. The segments are in various colors including shades of blue, green, yellow, red, orange, purple, and pink. The text 'PENGLOKALISASIAN SDGs' is centered in the middle of the ring in white, bold, uppercase letters.

**PENGLOKALISASIAN  
SDGs**



# 1 Gambaran Keseluruhan

Oleh Prof Datuk Dr. Denison Jayasooria  
(Ketua Sekretariat APPGM-SDG)

Laporan Tahunan 2020 ini adalah catatan aktiviti yang telah dijalankan oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (KRPPM-MPL/APPGM-SDG) selama 12 bulan (dari Januari hingga Disember 2020). Objektifnya adalah untuk memberikan penjelasan yang tepat mengenai kerja dan inisiatif yang telah dilakukan. Ianya juga untuk memberi kesedaran tentang bagaimana Ahli Parlimen (MP) adalah sebenarnya antara pemacu utama dalam usaha penglokalisasi SDGs secara menyeluruh.

Di sepuluh kawasan parlimen Fasa Perintis 2020, kami menyedari bahawa Ahli Parlimen mempunyai pemahaman yang sangat baik mengenai isu-isu tempatan dan mereka semua memainkan peranan penting dalam mengenal pasti keperluan dan keutamaan masyarakat setempat serta memberi cadangan berkaitan projek solusi jangka pendek berasaskan SDGs.

Laporan ini memberikan maklumat terperinci mengenai aspek-aspek utama gerak kerja APPGM-SDG dan ianya ditulis oleh ahli Sekretariat APPGM-SDG sendiri.

## Metodologi Penyelidikan & Hasil Kajian

En. Alizan Mahadi (Ketua Penyelidik) memberikan penerangan yang komprehensif mengenai metodologi penyelidikan yang digunakan iaitu "grounded research" di dalam pemetaan isu dan masalah setempat. Beliau memberikan analisis hasil penyelidikan yang menghubungkan lima "P" iaitu "People", "Prosperity", "Peace", "Planet" dan "Partnership". Beliau juga mengetengahkan pengajaran dan nilai tambah yang mempunyai hubungkait dengan implikasi-implikasi polisi yang telah APPGM-SDG dapati melalui aktiviti penyelidikan.

## Projek Solusi di Peringkat Kawasan Parlimen

Dr. Lin Mui Kiang (Ketua Penyelesaian) memberikan penerangan bagaimana RM120,000.00 diperuntukkan kepada setiap satu kawasan parlimen yang terlibat. Sebanyak 34 permohonan pelaksanaan projek solusi telah dinilai oleh pihak Sekretariat dan dibentangkan kepada Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG bagi tujuan kelulusan. Beberapa projek solusi telah disiapkan pada masa ini namun ada juga yang perlu ditangguhkan sehingga pertengahan tahun 2021. Beliau juga memberikan gambaran tema umum projek solusi dan rakan-rakan pelaksana. Di bahagian maklumat institusi Laporan Tahunan APPGM-SDG 2020 ini, terdapat perincian kesemua 34 projek dan senarai rakan pelaksana. APPGM-SDG telah menerapkan pelaksanaan projek solusi berteraskan SDGs secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, kami juga menyedari bahawa penyelesaian yang lebih lestari dan bersifat jangka panjang adalah amat diperlukan.

## Maklumat Terperinci Mengenai 10 Kawasan Parlimen Fasa Perintis 2020

Ketua-Ketua Koordinator yang mewakili 10 Kawasan Parlimen yang terlibat di Fasa Perintis 2020 menerangkan gerak kerja yang dijalankan semasa lawatan tapak, pengenalpastian keperluan dan keutamaan masyarakat tempatan, cadangan rakan pelaksana dan cadangan-cadangan projek. Mereka memberikan penjelasan terperinci mengenai kerja yang dilakukan di sepuluh kawasan parlimen.

## Program Pembangunan Kapasiti Bagi Pemegang Taruh Tempatan

Dr Zainal Abidin Sanusi memberikan gambaran umum mengenai program pembangunan kapasiti yang dilaksanakan di sepuluh kawasan parlimen. Beliau telah menerima input tambahan daripada Prof. Dato Dr. Rashila Ramli dan Encik Khalid Al-Walid. Sebanyak 22 program pembangunan kapasiti dilaksanakan dan senarai penuh dilampirkan di bahagian maklumat

institusi laporan ini. Kami menyedari bahawa di peringkat akar umbi, pengetahuan mengenai SDGs adalah terhad, terutama dalam kalangan penjawat awam, CSO dan masyarakat tempatan. Program-program ini diatur untuk memberi kesedaran yang lebih mendalam mengenai 17 SDG, terutama sifatnya yang mempunyai hubung kait antara satu sama lain.

### **Pemetaan Projek-Projek Solusi Berlandaskan SDGs**

En. Anthony Tan Kee Huat memetakan 34 projek solusi dan hubungannya dengan 17 SDG. Pemetaan ini juga termasuk mengenal pasti masalah berdasarkan lima "P". Projek-projek solusi yang dijalankan amat unik dan mencerminkan sifat berhubung kait antara kesemua 17 SDG.

### **Peninjauan & Penilaian Projek-Projek Fasa Perintis 2020**

Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli mengetuai pasukan sukarelawan akademik untuk memantau dan menilai kesemua 34 projek solusi. Ianya merupakan satu penilaian bebas. Objektif awal tinjauan adalah untuk mengkaji aspek jantung kesemua projek-projek solusi. Namun, skop tinjauan telah diperluaskan dan tidak terikat hanya kepada aspek jantung. Tinjauan ini memberikan input dan pengajaran berguna untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan usaha kami dalam melokalisasikan SDG. Bahagian ini juga menerangkan kaedah dan proses tinjauan yang sedang dijalankan pada ketika ini dan hasil tinjauan dijangka akan dikeluarkan pada pertengahan 2021.

### **Maklumat Institusi**

Cik Nur Rahmah Othman memberikan maklumat asas mengenai Jawatankuasa APPGM-SDG; sepuluh Ahli Parlimen dan kawasan Parlimen; ketua koordinator; para penyelidik; projek penyelesaian dan rakan implementasi. Selain itu, satu penerangan ringkas berkaitan Malaysian CSO SDG Alliance dan Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari juga disediakan di bahagian ini. Dokumentasi ini menunjukkan potensi dinamik penglibatan pelbagai pihak dalam melokalisasikan SDGs.

### **Penyata Akaun Yang Telah Diaudit**

Kami percaya pada prinsip akoutanbiliti awam terhadap dana yang diterima. Oleh itu, penyata akaun yang telah diaudit turut dilampirkan di dalam laporan ini. Proses audit telah dilakukan oleh Juru Audit luar. Penyata akaun memberikan perincian tentang bagaimana dana yang telah diperuntukkan digunakan bagi Fasa Perintis 2020.

### **Potensi & Keunikan Model APPGM-SDG**

Aspek unik APPGM-SDG adalah terletak pada sifat bi-partisannya. Ahli Parlimen, tanpa mengira latar belakang parti politik bekerjasama untuk meningkatkan sumber yang ada bagi memberi jalan penyelesaian kepada permasalahan di peringkat akar umbi. Tema 'Tiada Sesiapa Ketinggalan' dan sifat berhubung kait di dalam SDGs menuntut pendekatan multi-dimensi dalam menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit.

Oleh itu, kami mengambil pengajaran daripada sepuluh kawasan parlimen Fasa Perintis 2020 dalam melokalisasikan SDG dengan harapan agar Model APPGM-SDG untuk tahun 2021 akan menjadi versi yang lebih baik. Kami juga akan memperluaskan aktiviti penglokalisasi ke 20 kawasan parlimen lain dan APPGM-SDG telah diperuntukkan RM5 juta di dalam Belanjawan 2021 bagi tujuan ini.

SDG memerlukan pendekatan masyarakat menyeluruh. Gerak kerja APPGM-SDG telah memberi gambaran bahawa pentingnya perkongsian dan kerjasama dengan pelbagai pihak - Ahli Parlimen, persatuan-persatuan yang mewakili masyarakat, ahli akademik, agensi persekutuan, badan-badan perkhidmatan awam di peringkat daerah termasuk CSO tempatan, kumpulan kejrangan dan rakan implementasi projek yang semuanya bekerjasama untuk menangani isu-isu tempatan dengan cara yang lebih lestari.



## 2 Metodologi Penyelidikan & Hasil Kajian

Oleh En. Alizan Mahadi  
(Ketua Penyelidik APPGM-SDG)

Bagi mencapai objektif yang ditetapkan APPGM-SDG dalam memantau pelaksanaan dan penyampaian SDG di peringkat tempatan, salah satu komponen penting adalah untuk meneliti situasi terkini berkaitan SDG di setiap kawasan parlimen. Penelitian ini sejajar dengan gerak kerja APPGM-SDG yang memainkan peranan aktif untuk melokalisasikan SDG di peringkat kawasan parlimen. Ini termasuklah pemetaan masalah, penyelesaian dan hubungan dengan pihak berkepentingan. APPGM-SDG juga merangkumi komponen penyelidikan polisi yang bertujuan untuk mengetengahkan isu-isu tempatan bagi tujuan perbincangan dalam kalangan Ahli Parlimen.

Objektif keseluruhan komponen penyelidikan adalah:

- a. Meningkatkan pemahaman pihak-pihak yang membuat keputusan dan pihak-pihak berkepentingan lain mengenai status penyampaian pembangunan semasa di sesebuah kawasan parlimen berdasarkan SDG.
- b. Menilai kesan campur tangan polisi terhadap isu-isu yang berkaitan dengan pencapaian SDG di peringkat parlimen.
- c. Menilai proses penyampaian pembangunan bagi memahami punca utama kemerosotan dalam mencapai SDG.

- d. Menyokong perancangan nasional, polisi dan proses pembangunan dengan memahami mekanisme-mekanisme untuk menjayakan penglokalisasi SDG termasuk membangkitkan persoalan-persoalan berkaitan di parlimen

### Metodologi Penyelidikan Untuk Penglokalisasi SDGs

Metodologi penyelidikan yang di gunakan mengetengahkan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (HRBA). HRBA digunakan dalam pelbagai penyelidikan PBB dan antarabangsa kerana ia adalah alat pengaturcaraan yang baik dalam norma dan standard antarabangsa. Pendekatan HRBA memberi penekanan yang sama terhadap proses yang dipilih untuk mencapai matlamat ini disamping pencapaian matlamat itu sendiri.

Di dalam konteks SDG, metodologi ini telah digunakan sebagai satu metodologi khusus untuk menilai prinsip "Leave No One Behind" dan Agenda 2030 Pembangunan Lestari. Proses pengoperasian kerangka analisis ini terdiri daripada enam langkah yang merangkumi pemetaan masalah (apa?), Pengenalpastian pihak berkepentingan (siapa?), Keutamaan masalah dan penyelesaian (yang mana?), Analisis (mengapa?), Penyelesaian untuk mengatasi masalah yang dikenal pasti (bagaimana?) dan pemantauan dan penilaian projek solusi.

Jadual 1 Enam Langkah Aktiviti Pemetaan Isu

Langkah	Hasil/Aktiviti
LANGKAH 1: Apakah isu-isu berkait sosial, ekonomi dan persekitaran yang paling tertekan di dalam kawasan parlimen?	Pemetaan Isu
LANGKAH 2: Siapa yang ketinggalan?	
LANGKAH 3: Yang Mana? Pengutamaan isu-isu	
LANGKAH 4: Bagaimana? Bagaimana isu tersebut boleh diselesaikan	Pengutamaan dan penyediaan kertas kerja projek solusi
LANGKAH 5: Kenapa? Analisa tentang punca isu-isu tersebut berlaku	Analisa situasi
LANGKAH 6: Perlaksanaan & Pemerhatian progres dan impak	Perlaksanaan dan pemerhatian projek solusi

## Lawatan Tapak & Pemetaan Isu

Di dalam fasa pertama, lawatan tapak dijalankan bagi tujuan pemetaan isu. Lawatan tapak ini adalah selama tiga hari dan merangkumi:

- a. Pemprofilan Komuniti oleh Ahli Parlimen
- b. Lawatan tapak ke kawasan-kawasan yang dikenalpasti oleh Ahli Parlimen
- c. Perbincangan-perbincangan kumpulan fokus dan pemetaan isu bersama pemegang taruh tempatan, NGO dan ketua-ketua masyarakat
- d. Dialog bersama agensi-agensi kerajaan

Tarikh lawatan tapak adalah seperti di dalam Jadual 8, mukasurat 63.

## Ringkasan Hasil Kajian

Isu-isu utama adalah berdasarkan ciri-ciri dan konteks tempatan.

Antara penemuan utama aktiviti penyelidikan APPGM-SDG adalah; isu-isu yang dikenal pasti saling berhubung kait dan bersifat kontekstual dengan ciri dan persekitaran tempatan. Walaupun kebanyakan isu adalah berkaitan dengan masalah pembangunan yang lebih meluas dan mendalam, isu-isu ini adalah bersifat kontekstual dan hal ini menjadi satu cabaran yang memerlukan penyelesaian yang unik. Dengan kata lain, pengenalpastian masalah pembangunan dan pengenalpastian penyelesaian memerlukan pendekatan dari bawah ke atas dan partisipatif.

### Jadual 2

*Tema-Tema Utama & Ciri-Ciri Mengikut Kawasan Parlimen. Status ekonomi mendominasi kumpulan sasaran yang tertinggal tetapi ianya juga sangat kontekstual.*

No Kawasan Parlimen	Tema-Tema Utama	Ciri-ciri
1 Bentong (P089)	Pertanian Lestari	Separa bandar
2 Selayang (P097)	Pendatang Asing	Separa bandar
3 Petaling Jaya (P105)	Kemiskinan Bandar	Bandar
4 Tanjung Piai (P165)	Pelancongan Lestari	Separa luar bandar
5 Papar (P175)	Kesan Pembangunan Terhadap Sektor Pertanian	Separa luar bandar
6 Pensiangan (P182)	Pemeriksaan Wanita & Belia	Luar bandar & Separa luar bandar
7 Kuching (P195)	Setinggalan	Bandar
8 Batang Sadong (P200)	Akses Penyambungan & Kebolehcapaian	Separa luar bandar & Luar bandar
9 Pendang (P011)	Pertanian & Hakmilikan Tanah	Luar bandar
10 Jeli (P030)	Skim Pekebun Kecil & Peluang Pekerjaan	Luar bandar

Jadual 3 Kumpulan-kumpulan sasaran yang antaranya ketinggalan di belakang mengikut kawasan parlimen. Masalah-masalah utama yang dikenalpasti adalah berkaitan SDG.

No.	Kawasan Parlimen	Siapa Ketinggalan? (Kumpulan Sasaran)*	Disebabkan oleh? **
1	Bentong (P089)	Petani, Orang Asli, B40	Status ekonomi & identiti
2	Selayang (P097)	Pendatang Asing, Orang Asli, B40	Identiti, status ekonomi dan status sah
3	Petaling Jaya (P105)	B40, Perumahan Kos Rendah, PPRs	Status ekonomi
4	Tanjung Piai (P165)	B40, Nelayan, Belia	Status ekonomi, kedudukan geografi
5	Papar (P175)	Pesawah, Nelayan	Kedudukan geografi, status ekonomi
6	Pensiangan (P182)	Wanita & Belia	Jantina, umur, kedudukan geografi
7	Kuching (P195)	Setinggan	Identiti, status ekonomi, status sah
8	Batang Sadong (P200)	Belia (Sekolah) & Petani	Kedudukan geografi, status ekonomi
9	Pendang (P011)	Petani, Penoreh Getah	Kedudukan geografi, status ekonomi
10	Jeli (P030)	B40, Pekebun Kecil, Wanita, Belia, Orang Asli	Identiti, kedudukan geografi (akses penyambungan), status ekonomi

Walaupun terdapat perbezaan dalam kedudukan geografi dan status (seperti status bandar / luar bandar dan ekonomi) bagi kawasan-kawasan parlimen yang terlibat, masalah-masalah umum yang lain juga diperhatikan dan diambil kira. Kebanyakan isu adalah bersifat kontekstual dan kebanyakannya adalah berkait dengan SDG.

### Orang

Kemiskinan - Tirai kemiskinan masih ada dan bahkan semakin meningkat di kebanyakan kawasan terutamanya dalam kalangan kumpulan sasaran tertentu walaupun terdapat peningkatan positif di peringkat nasional. Kemiskinan adalah bersifat multidimensi, dan kesan pengganda menghasilkan pencapaian bagi bidang lain juga (SDG1 dan saling berkait dengan semua SDG).

Pendidikan, kemahiran serta latihan belia dan wanita - Belia dan wanita tidak mendapat peluang untuk

meningkatkan kehidupan mereka. Isu ini sangat menonjol di kawasan-kawasan luar seperti kawasan luar bandar dan separa luar bandar. Individu-individu yang ketinggalan ini kebiasaannya datang daripada kumpulan B40. Kekurangan kemahiran yang relevan telah menghalang mereka untuk mencapai matlamat SDG yang lain serta kesukaran untuk meningkatkan status sosio-ekonomi mereka (SDG 4,5 dan 8)

Kesihatan dan pemakanan - Kebanyakan komuniti yang tinggal di kawasan geografi terpencil menghadapi cabaran besar untuk mengakses kemudahan kesihatan. Masalah ini terdapat di semua kawasan parlimen yang terlibat. Kes seperti TB dan polio masih berlaku di kebanyakan kawasan parlimen yang terlibat. Akses kepada penjagaan kesihatan bagi orang yang tidak berdokumen dan tanpa kewarganegaraan juga merupakan masalah yang mendesak. (SDG3, SDG16 dan saling berkait dengan semua SDG)

Kesaksamaan jantina - Kesaksamaan jantina merangkumi banyak permasalahan. Sebagai contoh, di Pensiangan, amalan perkahwinan bawah umur masih berlaku dan di Petaling Jaya, potensi pendapatan daripada wanita di PPR tidak dimanfaatkan secara relatif sebagai potensi pendapatan untuk isi rumah B40 (SDG5 dan saling berkait dengan semua SDG).

#### **Kemakmuran**

Ketidaksamaan - Penyampaian pembangunan tidak sampai sepenuhnya kepada masyarakat berpendapatan rendah (B40) sebagai antara kumpulan sasaran utama. Secara geografi, proses penyampaian adalah tidak seimbang dalam pelbagai isu termasuk pengurusan sampah, penjagaan kesihatan dan penyampaian faedah kesejahteraan sosial. (SDG 10 dan saling berkait dengan semua SDG)

Pembangunan infrastruktur - Banyak kawasan yang tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan asas seperti perkhidmatan pengurusan sampah. Ini telah menyebabkan kesukaran untuk menjalankan aktiviti seharian (SDG9 dan saling berkait dengan semua SDG)

#### **Planet**

Persekitaran di beberapa kawasan semakin merosot dan mempengaruhi pendapatan, kesihatan dan kehidupan para nelayan, petani dan lain-lain yang bergantung kepada keadaan persekitaran. Masalah-masalah ini sering kali dikaitkan dengan perancangan pembangunan yang tidak lestari. Tambahan pula, agensi yang diberi mandat mempunyai bukti yang amat sedikit untuk mengaitkan masalah alam sekitar dengan masalah pembangunan yang lain. Sumber semula jadi adalah hak milik kerajaan negeri dan hal ini telah memberikan cabaran dalam menyelesaikan masalah-masalah tersebut kerana situasi hubungan negeri-persekutuan (SDG13,14,15,16,17 dan saling berkait dengan semua SDG)

Banjir telah diketengahkan sebagai antara isu utama di kebanyakan kawasan. Namun, hanya sedikit yang mengaitkan kejadian tersebut dengan masalah perubahan iklim. (SDG13)

Pengurusan sampah juga diketengahkan sebagai antara isu yang menonjol di kebanyakan kawasan. Ini adalah berikutan mandat dan tanggungjawab yang diabaikan (SDG12 dan saling berkait dengan semua SDG)

#### **Kedamaian, Keadilan dan Kerjasama**

Institusi-institusi memainkan peranan penting dalam melokalisasikan SDG. Masalah-masalah berkaitan pembangunan diulas dengan lebih lanjut di bahagian seterusnya. (SDG 16 dan saling berkait dengan semua SDG)

Kerjasama antara semua pihak sangat penting untuk menangani masalah berkaitan SDG. Sebilangan besar masalah yang dikenal pasti memerlukan kerjasama semua pihak yang berkepentingan seperti yang dinyatakan di bawah.

#### **Pengajaran-pengajaran daripada hasil penyelidikan dan pemetaan isu APPGM-SDG**

##### **Pengajaran berkaitan Polisi**

Kebanyakan masalah yang berbangkit adalah berkait antara satu sama lain tetapi proses penyampaian perkhidmatan bagi mengatasi masalah-masalah tersebut adalah di dalam keadaan silo. Penyampaian perkhidmatan didorong oleh mandat yang diberikan di peringkat persekutuan. Walaupun mandat dilaksanakan tetapi ianya tidak dikontekstualisasikan berdasarkan keperluan tempatan.

Hubungan negeri-persekutuan adalah cabaran bagi penyampaian perkhidmatan di peringkat tempatan. Struktur hierarki tiga peringkat di Malaysia bertujuan untuk memudahkan penyampaian pembangunan dari peringkat persekutuan ke peringkat tempatan. Walau bagaimanapun, struktur ini telah memberikan cabaran dalam penyampaian perkhidmatan oleh agensi persekutuan atau negeri yang bertanggungjawab bagi pelaksanaannya. Ini adalah kerana tanggungjawab agensi-agensi persekutuan mahupun negeri dibahagikan mengikut perlembagaan. Pihak-pihak berkepentingan di peringkat tempatan berpendapat bahawa proses pelaksanaan dan penyampaian perkhidmatan bermasalah adalah kerana ianya dipolitikkan. Sebagai contoh, Ahli Parlimen sesebuah konstituensi yang bukan daripada pucuk pimpinan pemerintah negeri atau persekutuan akan menghadapi sedikit kesukaran di dalam gerak kerja mereka dalam menyampaikan perkhidmatan. Hal ini jelas menunjukkan kelemahan integrasi dan semangat perkongsian.

Faktor kekurangan dan pengurusan data yang tidak selaras (dis-aggregated data), di peringkat tempatan bagi memantau kemajuan di peringkat

agregat (nasional atau negeri) telah menyebabkan pemahaman yang kurang baik mengenai isu dan cabaran pembangunan di peringkat tempatan. Kebanyakan keputusan dibuat tidak berdasarkan keadaan sebenar yang terjadi di peringkat tempatan.

### Pengajaran berkaitan Institusi

Kurangnya akses dan penyertaan dalam membuat keputusan. Keputusan yang dibuat kebanyakannya merangkumi pelan tindakan dan proses perundingan untuk projek-projek infrastruktur di peringkat tempatan. Namun, masalah yang timbul adalah kerana kurangnya proses rundingan dengan pihak berkepentingan tempatan, pakar, CSO dan pemimpin masyarakat dan hal ini akan memberi impak buruk kepada masyarakat di peringkat tempatan.

SDG perlu diterapkan dan dikawal selia di peringkat tempatan oleh pelbagai pihak demi mencapai prinsip "Tiada Sesiapa Ketinggalan". Perlu adanya mekanisme untuk menyatukan semua pihak yang berkepentingan bagi membincangkan isu-isu umum dalam pelbagai aspek kehidupan. SDG 17 memberi tumpuan kepada perkongsian yang menunjukkan betapa pentingnya pendekatan perkongsian seluruh masyarakat bagi mencapai SDG.

APPGM-SDG menjadi pemangkin semangat perkongsian melalui kerjasama dan penyatuan Ahli-ahli Parlimen, CSO, akademik dan pihak-pihak berkepentingan tempatan. Semangat perkongsian ini mesti diteruskan untuk memastikan penambahbaikan dalam proses penyelesaian sesuatu masalah dari semasa ke semasa. Kesyukuran semangat perkongsian membolehkan pemantauan dan penambahbaikan terhadap sistem sedia ada.

Walaupun banyak isu tempatan tidak terletak di bawah mandat Ahli-ahli Parlimen secara langsung, namun mereka memainkan peranan penting dalam meyelaraskan isu pembangunan di peringkat tempatan secara menyeluruh. Struktur APPGM-SDG memperkuat peranan Ahli-ahli Parlimen dan ADUN dalam menyampaikan perkhidmatan dan pelaksanaan pembangunan dan ianya sangat penting kerana kebanyakan kumpulan sasaran di peringkat akar umbi bergantung kepada pada inisiatif daripada Ahli-ahli Parlimen dan ADUN.

### Cabaran-cabaran masa hadapan dan penyelesaian


Malaysia telah menunjukkan prestasi yang baik dalam aspek pembangunan. Walau bagaimanapun, kehadiran SDG akan memastikan faedah-faedah pembangunan diagihkan lebih menyeluruh dan adil kepada semua kumpulan sasaran dan masyarakat. Pada masa yang sama, SDG juga akan memastikan keperluan untuk mencapai pelbagai matlamat lain tetap seimbang.

APPGM-SDG telah mengenalpasti banyak cabaran dalam proses mendukung aspek pembangunan. Proses penyatuan semua pihak memberikan ruang dan peluang untuk menjadi pemangkin kepada pendekatan masyarakat menyeluruh (whole of society approach) bagi menyelesaikan sesuatu masalah. Untuk memastikan kesinambungan proses ini, APPGM-SDG harus dilembagakan demi memastikan penyertaan berterusan dan penambahbaikan terhadap pendekatan tersebut.

Harus diperakui bahawa APPGM-SDG sendiri tidak dapat dan bukan satu-satunya inisiatif yang mengambil pendekatan bottom-up bagi penyampaian pembangunan. Oleh yang demikian, bagi memastikan tiada sesiapa ketinggalan, Malaysia perlu memandang serius dan memastikan mekanisme dan program yang berkaitan dengan aspek pembangunan adalah bersifat desentralisasi dan ianya perlu dijadikan sebagai satu model utama di dalam proses pembangunan.



# Tema Niche Setiap Kawasan Parlimen





## 3 Metodologi Solusi & Projek

Oleh Dr. Lin Mui Kiang  
(Ketua Solusi, APPGM-SDG)

Projek-projek Solusi APPGM-SDG adalah dirancang bagi menangani masalah dan cabaran yang dikenal pasti semasa lawatan tapak ke kawasan-kawasan parlimen. Isu dan cabaran ini dikenalpasti melalui perbincangan dengan pejabat Ahli Parlimen, agensi kerajaan, NGO, pemimpin masyarakat dan penduduk setempat. Setelah itu, isu-isu yang dikenalpasti akan disenaraikan dan aktiviti pengutamaan isu ("Prioritization of Issues") akan dijalankan bersama Ahli Parlimen setiap kawasan parlimen.

Kemudian, APPGM-SDG membuka permohonan kepada mana-mana pihak untuk menghantar kertas kerja bagi melaksanakan projek solusi berdasarkan isu-isu yang telah dikenalpasti. Setiap kawasan parlimen diperuntukkan sebanyak RM 120,000.00 bagi menjalankan projek-projek solusi. APPGM-SDG berusaha untuk memaksimumkan sumbangan dari kepakaran, pengalaman, dedikasi dan komitmen organisasi berkaitan untuk membantu masyarakat di peringkat kawasan parlimen. Mereka terdiri dari CSO / NGO, universiti tempatan, persatuan masyarakat dan firma sektor swasta.

Cadangan-cadangan projek solusi yang diterima seterusnya dinilai oleh Jawatankuasa Penyelesaian APPGM-SDG yang menekankan beberapa kriteria keberkesanan dalam menangani isu-isu yang ingin diselesaikan, kelestarian, dan kemampuan replikasi atau skalabiliti. Kesesuaian dan kapasiti penyokong projek juga di ambil kira sebelum ianya disahkan oleh Ahli Parlimen masing-masing dan dibentangkan kepada Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG bagi persetujuan akhir.

Pada tahun 2020, 34 projek solusi telah diluluskan dan dilaksanakan. Skop setiap projek adalah luas dan meliputi pelbagai SDG. Rakan pelaksana projek yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan berkenaan sesebuah kawasan tempatan sangat penting dalam

mencapai objektif keseluruhan projek. Mereka adalah terdiri daripada universiti tempatan, CSO dan NGO tempatan seperti SAWO, PSPK, SADIA, ROSE, MyPJ, dan Kelab Belia di Pensiangan. Kerjasama erat antara rakan pelaksana projek menjadi pemacu utama bagi memastikan kelancaran pelaksanaan projek.

Sebelum projek-projek solusi dilaksanakan, program pembangunan kapasiti telah dijalankan. Program-program ini melibatkan agensi-agensi kerajaan persekutuan, negeri dan daerah, pemimpin masyarakat di sesebuah kawasan parlimen dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran berkenaan SDG. Program ini juga merangkumi sesi penggabungan beberapa agensi bagi meningkatkan pemahaman di antara mereka dan secara umumnya, untuk mengarusutamakan SDG. Terdapat juga sesi bagi menyelesaikan masalah mengenai isu-isu tertentu seperti kesihatan dan kesejahteraan, pemerksaan wanita dan belia, penilaian keperluan bagi pembangunan masyarakat, masyarakat setinggan, hak dan tanggungjawab penduduk flat, pemeriksaan kesihatan masyarakat, peningkatan kesediaan remaja untuk bekerja, prinsip pertanian semula jadi dan produk berkualiti, dan dialog dengan agensi untuk membincangkan isu-isu tertentu.

34 projek penyelesaian yang telah dilaksanakan pada tahun 2020 adalah bertujuan untuk menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat setempat. Projek-projek solusi ini mempunyai fokus untuk meningkatkan kesejahteraan dan pendapatan kumpulan B40 - wanita, belia yang menganggur atau diberhentikan, Orang Asli / Asal yang tidak mempunyai akses kepada peluang ekonomi, dan masyarakat umum termasuk masyarakat setinggan yang kurang mendapat akses kepada faedah kesejahteraan sosial, infrastruktur dan perkhidmatan. Projek-projek solusi ini merangkumi banyak sektor seperti pertanian dan akuakultur, eko-pelancongan, pengembangan usahawan, latihan kemahiran teknis, pengembangan keterampilan pendidikan / bahasa, kesihatan dan kesejahteraan, pengurusan sampah, dan pembangunan masyarakat.



Antara projek-projek yang dijalankan adalah:

- a. Pertanian dan Akuakultur - projek pertanian organik di Bentong, penanaman padi di Papar, pertanian cendawan di Jeli, penternakan ikan siakap di Papar, dan penternakan ikan keli di Jeli
- b. Projek eko-pelancongan di Tanjung Piai, Jeli dan Pendang
- c. Pembangunan usahawan di Selayang, Pensiangan, projek kraf asli di Jeli, menjahit dan memasarkan hasil tempatan di Batang Sadong
- d. Latihan kemahiran teknikal dalam pembuatan roti, pengurusan kafe, pemasaran digital, penyaman udara di Selayang, dan pendawaian di Kuching
- e. Pendidikan / latihan bahasa untuk guru bahasa Inggeris di Batang Sadong, tuisyen untuk kanak-kanak di Petaling Jaya, kursus Bahasa Malaysia dan kepekaan budaya bagi golongan pelarian dan pekerja migran di Selayang
- f. Kesihatan dan kesejahteraan di Pensiangan dan Petaling Jaya
- g. Pengurusan sampah di Tanjung Piai dan Papar
- h. Perkongsian dan Penyatuan Nasional di Bentong
- i. Pembangunan masyarakat yang merangkumi banyak komponen seperti pemeriksaan kesihatan, tuisyen untuk kanak-kanak, latihan kemahiran dan pengembangan usahawan di 2 komuniti setinggan di Kuching; pembaikan dan banci flat untuk penduduk flat murah di Selayang, dan rancangan tindakan selanjutnya untuk Petaling Jaya

Rakan pelaksana projek dikehendaki untuk menghantar laporan kemajuan dan kemaskini bulanan dan maklum balas daripada para peserta projek. Maklum balas yang diterima kebanyakannya sangat positif dan ini jelas menunjukkan keberkesanan pendekatan dari bawah ke atas dalam merancang dan melaksanakan sesuatu projek bagi memenuhi keperluan khusus masyarakat disamping mencapai SDG secara menyeluruh.

Perancangan dan pelaksanaan projek solusi Fasa Perintis 2020 telah banyak terganggu dan tertangguh disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (MCO) COVID-19. Oleh itu, hanya 10 projek solusi yang telah diselesaikan dan 24 yang lain masih dalam pelbagai tahap pelaksanaan. Projek-projek ini diharapkan dapat diselesaikan antara Januari dan April 2021, tertakluk kepada pandemik COVID-19 dan MCO oleh kerajaan Malaysia.

Usaha dan pencapaian yang dicapai pada tahun 2020 telah mendorong Ahli-ahli Parlimen bagi 20 kawasan baharu di tahun 2021 untuk bergabung dalam gerak kerja APPGM-SDG. Gerak kerja APPGM-SDG bagi tahun 2021 telah bermula dengan lawatan tapak dan aktiviti pemetaan isu dan projek solusi bagi tahun 2021 dijangka selesai sebelum akhir tahun. Pengalaman daripada tahun 2020 secara tidak langsung akan meningkatkan mutu pelaksanaan dan impak bagi gerak kerja tahun 2021.

# Galeri Gambar



Jeli, Kelantan



Bentong Pahang



Selayang, Selangor



Petaling Jaya, Selangor



Tanjung Piai, Johor







Papar, Sabah



Pensiangan, Sabah



Bandar Kuching, Sarawak



Pendang, Kedah



Batang Sadong, Sarawak



## 4 Penglokalisasian Sdg Di Peringkat Kawasan Parlimen

### 4.1 JELI, KELANTAN

Oleh Dr Juita Mohamad  
(Ketua Koordinator)



Pasukan APPGM-SDG telah melawat 5 buah kampung di Jeli pada 8 dan 9 Ogos 2020. Keahlian pasukan tersebut terdiri daripada kumpulan kerja APPGM-SDG, penyelidik dan wakil daripada CSOs dan NGOs daripada Kuala Lumpur dan Selangor disertai oleh pasukan penyelidikan tempatan daripada UMK.

Pada hari pertama sesi libat urus, Ahli Parlimen Jeli iaitu YAB Dato' Seri Mustapa Mohamad dan kumpulan kerja APPGM-SDG telah memberikan satu sesi taklimat berkenaan SDG17 kepada ketua-ketua masyarakat setempat. Tujuannya adalah untuk memaklum dan meningkatkan tahap kesedaran berkenaan bagaimana SDG dilokalisasikan melalui projek solusi. Projek-projek ini akan dilaksanakan di dalam komuniti terlibat untuk beberapa bulan yang akan datang. Maklum balas daripada ketua-ketua masyarakat berkenaan taklimat tersebut adalah sangat baik dan mereka juga memberi banyak bantuan dalam memperkenalkan kumpulan kerja APPGM-SDG kepada penduduk kampung.

Selepas taklimat, pasukan APPGM-SDG telah dibahagikan kepada dua kumpulan; iaitu Kumpulan A dan B. Kumpulan A terdiri daripada Kampung Sungai Rual yang didiami masyarakat Orang Asli dan Kampung Jerimbong yang didiami masyarakat Melayu. Kumpulan B melawat Kampung Air Chanal dan Kampung Legeh.

Daripada pemerhatian, didapati bahawa komuniti tersebut lantang dalam berkongsi masalah dan

terbuka dalam mencadangkan jalan penyelesaian. Malangnya, tiada wakil daripada kumpulan wanita dan belia daripada komuniti Orang Asli. Sebaliknya, kumpulan wanita dari Kampung Jerimbong bersemangat untuk turut serta dalam berkongsi masalah dan jalan penyelesaian. Melalui pengalaman ini, pasukan APPGM-SDG perlu lebih strategik dalam mendekati komuniti setempat.

Budaya dan hierarki dalam sesebuah masyarakat memainkan peranan penting dalam libat urus bersama orang luar terutamanya masyarakat Orang Asli. Malangnya, orang luar dan orang asing yang menziahari tidak semestinya disambut baik oleh penduduk kampung walaupun dengan niat yang ikhlas. Kumpulan kerja APPGM-SDG memerlukan



tempoh libat urus yang lama untuk memperolehi kepercayaan daripada penduduk kampung supaya penduduk boleh terus terang dan bersikap terbuka dalam berkongsi pendapat, masalah dan jalan penyelesaian.

Pada hari kedua, kumpulan kerja APPGM-SDG telah mengadakan dua sesi libat urus iaitu masing-masing bersama agensi kerajaan dan ketua komuniti setempat. Perbincangan tersebut membuahkan hasil di mana para peserta berkongsi dengan kumpulan kerja APPGM-SDG tentang kebimbangan mereka dan mencari penyelesaian seterusnya. Daripada dua sesi ini, pasukan APPGM-SDG dapat memperolehi pemahaman jelas mengenai masalah paling mendesak yang dihadapi oleh komuniti setempat di Jeli.





Terdapat lima kelompok isu yang dikenalpasti semasa sesi libat urus sepanjang lawatan tapak di Jeli. Isu tersebut adalah 1) Kos sara hidup 2) Pekerjaan 3) Bekalan air bersih 4) Liputan internet, dan 5) Pembangunan modal insan. Tiga kelompok isu yang diutamakan adalah 1) Ekonomi 2) Infrastruktur asas 3) Pembangunan modal insan. Isu ekonomi menekankan kos sara hidup, peluang kerjaya dan kehidupan lestari melalui projek lestari dan sumber pendapatan yang stabil. Infrastruktur asas pula menekankan bekalan air bersih dan kemudahan internet, manakala isu pembangunan modal insan menekankan usahasama secara umum ke arah membangunkan modal insan di Jeli.

Semasa sesi pengutamaan isu bersama YAB Dato' Sri Mustapa Mohamed dan kumpulan kerja APPGM-SDG, terdapat empat projek penyelesaian dan dua program pembangunan kapasiti (capacity building) yang dicadangkan oleh kumpulan kerja APPGM-SDG. Projek Penyelesaian tersebut adalah 1) Penanaman cendawan 2) Keusahawanan sosial berasaskan produk kumpulan wanita Orang Asli 3) Keusahawanan sosial + Eko Pelancongan dan 4) Akuakultur - penternakan Ikan Talapia. Program pembangunan kapasiti adalah 1) Perbincangan meja bulat bersama penduduk setempat dan FELDA, dan 2) Perbincangan meja bulat bersama penduduk setempat dan FELCRA.



## 4.2 PENDANG, KEDAH

Oleh En. Khalid Al-Walid (Ketua Koordinator) & Prof. Dato' Dr. Rashilah



Pendang terletak di antara dua daerah membangun iaitu Kota Star dan Kuala Muda. Disebabkan faktor geografi, Pendang dijangka akan terus ketinggalan dari segi pembangunan ekonomi disebabkan kedua-dua daerah jiran dianggap lebih penting dan diutamakan di dalam rancangan pembangunan negeri. Namun begitu, lokasi Pendang mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai kawasan pelancongan dan keusahawanan.

Lawatan tapak yang pertama ke Pendang merupakan sebuah pengalaman yang membuka minda pasukan kajian. Masyarakat di Pendang berharap bahawa lawatan tersebut bukan sekadar sebuah lagi lawatan politik, tetapi lawatan yang disusuli oleh tindakan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi. Salah seorang daripada komuniti setempat berkongsi bahawa masih tiada jalan penyelesaian walaupun masalah mereka sering dibangkitkan kepada pihak berkuasa. Walaupun terdapat sesi libat urus bersama pihak berkuasa, mereka masih kurang arif tentang isu yang dihadapi oleh masyarakat.

Antara isu yang dikenalpasti adalah hak milik tanah oleh masyarakat Siam, tiada komunikasi antara peladang getah dan pihak berkuasa, dan



bekas peladang yang terpaksa mendiami kawasan setingan. Tambahan pula, komuniti setempat mengalami kekurangan peluang pekerjaan di dalam daerah, manakala pesawah padi tidak mempunyai perlindungan insurans dan terdapat orang tengah yang mengutip buah-buahan.

Penglokalisasi SDG kepada masyarakat setempat di Pendang adalah mencabar tetapi menarik disebabkan kekangan bahasa yang menyukarkan penyampaian mesej secara berkesan. Walaupun begitu, pasukan APPGM-SDG dapat mengatasi kesukaran ini dengan memanfaatkan bahasa tempatan daripada menggunakan bahasa formal. Selain itu, pasukan kajian menggunakan kaedah





yang kreatif untuk memperagakan kandungan SDG melalui penceritaan, kuiz, permainan dan kad sebagai kaedah alternatif berbanding sesi taklimat yang formal.

Selain kekangan bertutur, masyarakat setempat tidak bersedia untuk berkongsi kisah dan tidak bersikap terbuka pada peringkat awal. Namun, mereka menjadi lebih bersemangat apabila mengetahui akan peluang untuk mengambil bahagian sebagai warga global yang menerapkan prinsip SDG dalam kehidupan dan masyarakat mereka. Ini membantu komuniti setempat untuk menjadi lebih giat dalam mengikut serta aktiviti-aktiviti.

Pada penghujung lawatan tapak, komuniti setempat mendapati bahawa mereka dapat memahami SDG dan bersemangat untuk menerapkan prinsip SDG di



dalam kehidupan seharian. Untuk pasukan kajian, penterjemahan perbendaharaan SDG secara formal kepada perbendaharaan tempatan menggunakan istilah yang mudah dan kaedah kreatif merupakan sebuah pengalaman yang menarik.

### 4.3 BENTONG, PAHANG

Oleh Dr Muralitharan (Ketua Koordinator)



Kawasan parlimen Bentong meliputi kawasan yang luas dan mengandungi pelbagai masyarakat yang berbeza daripada penduduk di tapak peranginan Genting Highlands hingga ke kawasan FELDA di Lurah Bilot atau Chemomoi. Terdapat juga gugusan kediaman dan perkampungan Orang Asli di Bentong dan Karak dan pelbagai kawasan ladang yang masih didiami oleh ramai penduduk bangsa India. Saiz dan keluasan Bentong juga mencerminkan kekayaan khazanah alam, dengan aktiviti ekonomi yang pelbagai merangkumi perlancongan dan pertanian, di mana Bentong juga terkenal sebagai "Halia Bentong" dan "Durian Bentong" di seluruh Malaysia.

Kepelbagaian populasi, disertai dengan ciri-ciri geografi Bentong, telah membentuk komuniti unik dengan keperluan yang berbeza. Ini menyebabkan pbumian wawasan global seperti SDG di kawasan ini memerlukan pendekatan secara bersasar dan lebih individualistik. Ini bermaksud memberi tumpuan

kepada matlamat SDG yang berlainan untuk setiap komuniti – memberikan pengetahuan SDG sedikit demi sedikit dalam pembinaan keupayaan atau projek penyelesaian supaya mereka dapat melihat manfaatnya. Hasilnya, mereka menjadi lebih reseptif dan bersetuju untuk menerima lebih kandungan melibatkan SDG. Ini adalah salah satu





sebab mengapa pasukan kajian memberi perhatian kepada projek-projek khusus di sektor pertanian yang melibatkan lebih banyak masyarakat luar bandar.

Ahli Parlimen Bentong, YB Tuan Wong Tack adalah seorang individu yang menarik di mana asalnya beliau adalah seorang aktivis sosial sebelum menceburi bidang politik. Beliau merupakan seorang yang tekun dan menjadi inspirasi kepada ramai pihak, dan hasrat beliau untuk mentransformasikan komuniti setempat menjadi asas pemikiran dan tindakan dari semasa ke semasa. Namun, YB Tuan Wong Tack sering mengalami kesukaran dalam proses transformasi tersebut. Ini adalah disebabkan kerajaan negeri berada di pihak pembangkang (dan sekarang beliau kembali mejadi pihak pembangkang) dan beliau menghadapi kesukaran untuk meraih jentera kerajaan negeri dan memastikan ia selari dan selaras dengan mandat agensi persekutuan yang berbeza, oleh kerana masing-masing mempunyai objektif dan KPI tersendiri.

Antara cabaran paling besar yang dihadapi oleh pasukan APPGM-SDG setempat adalah lambat laun komuniti yang pelbagai ini akan semakin jauh ketinggalan dan terpisah. Ini menyebabkan lebih banyak kesukaran dalam menyalurkan sumber yang mencukupi kepada mereka oleh agensi persekutuan dan tempatan. Sebilangan besar komuniti kecil yang dikunjungi semasa lawatan tapak tidak mengetahui akan program bantuan sosial dan kebajikan yang disediakan oleh kerajaan untuk mereka; dan juga cara memohon bantuan tersebut. Agensi kerajaan pula melaporkan bahawa mereka tidak berupaya menghubungi setiap komuniti kecil di dalam kawasan parlimen Bentong untuk menawarkan bantuan yang disediakan oleh kerajaan kepada penduduk. Situasi ini menyebabkan ramai penduduk jauh ketinggalan walaupun Bentong adalah berdekatan dengan bandar Kuala Lumpur.



#### 4.4 SELAYANG, SELANGOR

Oleh En. James Raj (Ketua Koordinator)



Penglokalisasian Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) merupakan etika berterusan yang ditanam di dalam minda Ketua-ketua Koordinator yang bertungkus lumus dalam memastikan projek-projek di lapangan mengangani dan memenuhi matlamat-matlamat SDG. SDG berfungsi sebagai rangka kerja yang menyeluruh untuk membimbing pembangunan global dan nasional sehingga tahun 2030.

Ahli parlimen Selayang, YB Tuan William Leong Jee Keen telah memikul tanggungjawab terlebih dahulu untuk memenuhi agenda global tersebut dan lebih maju dalam penglokalisasian SDG. Suka untuk saya tegaskan bahawa YB Tuan William iaitu wakil rakyat kawasan Selayang, merupakan seorang yang berpaksikan rakyat dan berusaha keras untuk memastikan projek-projek yang dipersetujui oleh APPGM-SDG mencapai kumpulan sasaran yang betul bermatlamatkan "Tiada Sesiapa Ketinggalan".

Saya mendapat peluang untuk bekerjasama dengan YB Tuan William dan rakan pelaksana projek-projek solusi, iaitu Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti yang dikenali di Selayang



sebagai PSPK. Pengalaman saya bersama pengasas En. Rev Henry dan pasukan beliau yang penuh semangat telah memberikan pengajaran kepada saya semasa pemantauan projek penyelesaian yang diamanahkan kepada pertubuhan tersebut.

Pertama, En. Rev Henry dan pasukan beliau mempunyai hubungan yang sangat baik dengan masyarakat dan pemegang taruh setempat yang berbilang kaum. Kedudukan pusat PSPK yang strategik banyak membantu masyarakat terpinggir untuk mempunyai kemudahan dan disambungkan kepada projek-projek penghapupayaan komuniti.



Contohnya, komuniti Rohingya adalah penerima bantuan utama dan perkhidmatan kaunseling daripada PSPK. Seorang peserta projek tersebut memaklumkan kepada saya bahawa dia berasa seperti di rumah sendiri setiap kali dijemput untuk turut serta dalam program pembangunan yang dijalankan. Ini adalah contoh yang baik berpaksikan masyarakat; di mana pengguna perkhidmatan tidak pernah berasa lemah semangat dan tidak dihargai tetapi sebaliknya berasa penting, bemuah dan dihormati.

Kedua, PSPK telah diamanahkan untuk melaksanakan 8 projek penyelesaian dan 2 program pembinaan keupayaan. Disebabkan pandemik dan Perintah Kawalan Pergerakan, pasukan rakan pelaksana projek menghadapi cabaran berterusan dalam melaksanakan projek-projek tersebut. Walau bagaimanapun, dengan sokongan YB Tuan Willian dan keazaman daripada ahli pasukan dengan bimbingan penuh dan motivasi daripada kakitangan pihak APPGM-SDG En. Anthony dan Pn. Rahmah, mereka dapat menjadualkan semula tarikh program dan

berjaya melaksanakan 9 daripada 10 projek yang diluluskan..

Saya amat kagum dengan iltizam pasukan rakan pelaksana dan Ahli Parlimen dalam memastikan projek dapat disiapkan sebelum tarikh akhir. Pada awalnya, saya sedikit khuatir jika mereka boleh menyiapkan projek-projek dalam tempoh yang ditetapkan. Namun akhirnya, apa yang ketara dan terpuji adalah kemampuan pasukan rakan pelaksana dalam mengumpul peserta-peserta setempat dalam apa jua keadaan untuk menyertai program dan aktiviti yang dijalankan. Semua ini disebabkan kemahiran untuk berkomunikasi secara berkesan dengan masyarakat di peringkat akar umbi.

Pepatah ini adalah tepat untuk pasukan Selayang: "Ketekunan adalah kerja keras yang anda lakukan setelah penat melakukan kerja keras yang sudah anda lakukan. ". Tahniah kepada semua yang telah berusaha sebaik mungkin dan terus menerus dalam memastikan tiada sesiapa ketinggalan.



## 4.5 PETALING JAYA, SELANGOR

Oleh En. Alizan Mahadi  
(Ketua Koordinator)

Berbanding dengan kawasan Parlimen lain di APPGM-SDG 2020, Petaling Jaya adalah sebuah bandar yang tinggi kepadatan penduduknya dan telah lama berfungsi sebagai bandar satelit kepada Kuala Lumpur. Maka, apabila Petaling Jaya dipilih sebagai salah satu kawasan Parlimen untuk APPGM-SDG, dijangka isu-isu yang diketengahkan adalah lebih berkaitan dengan isu perbandaran dan berbeza dengan isu-isu di kawasan Parlimen lain.

Tanggapan tersebut adalah tepat dan tidak tepat pada masa yang sama. Ianya tepat apabila, melalui aktiviti pemetaan isus yang dijalankan, didapati bahawa kebanyakan isu-isu dan golongan yang ditinggalkan adalah tertumpu di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan flat kos rendah. Ini termasuk pengurusan PPR dan flat kos rendah secara keseluruhan yang berkaitan dengan penyelenggaraan dan isu sosio-ekonomi yang dihadapi seperti kadar pengangguran yang

tinggi. Ia juga menyentuh isu alam sekitar seperti pembuangan sisa dan sampah sarap.

Walaupun semua isu ini berkait rapat dengan keunikan keadaan di PPR dan flat kos rendah, masalah yang timbul sering merentasi pelbagai sektor (cross-cutting), hal ini adalah sama dengan kawasan bandar dan luar bandar yang lain di seluruh negara. Ini termasuk status sosio-ekonomi sebagai isu akar umbi (i.e. B40) di mana PPR dan flat kos rendah adalah jauh ketinggalan berbanding kawasan yang lebih maju.

Masalah yang didapati seperti kemiskinan, pendidikan dan akses kepada penjagaan kesihatan menimbulkan cabaran dari segi mobiliti sosial secara umumnya. Dari segi ini, anggapan awal di atas adalah tidak tepat kerana kemiskinan dan mobiliti sosial mempunyai salinhubungan yang sama dengan kawasan Parlimen yang lain juga.

Pemetaan isu telah mendapati bahawa salah satu cabaran utama kepada aspek pembangunan di kawasan Parlimen Petaling Jaya adalah disebabkan pendekatan secara berasingan (silo). Sebilangan besar cabaran yang dititikberatkan memerlukan





dan pelaksanaan siri dialog antara agensi untuk menangani isu-isu di flat PPR dan perumahan kos rendah. Walaupun isu-isu tersebut bersifat sistemik, projek-projek ini telah direka untuk merencanakan tindakan supaya ia terus kekal dengan kerjasama yang lebih kukuh di masa hadapan.

kerjasama daripada pelbagai agensi dan pemegang taruh. Contohnya, masalah di flat PPR dan rumah kos rendah memerlukan usahasama daripada Badan Pengurusan Bersama (JMB), Pesuruhjaya Bangunan (COB), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Agensi Antidadah Kebangsaan, dan jabatan dan agensi lain. Namun begitu, mekanisme kerjasama dan mandat mereka adalah tidak jelas untuk menangani isu-isu yang merentasi pelbagai sektor. Selain itu, proses penyertaan penduduk dalam menangani cabaran tersebut juga tidak kukuh.

Projek solusi yang dicadangkan bertujuan untuk menangani masalah tersebut adalah dengan memberi penekanan terhadap akses kepada pendidikan, pemerkasaan wanita dalam ekonomi

Dalam konteks ini, proses APPGM-SDG yang mengambil pendekatan dari bawah ke atas (bottom-up) adalah penting untuk mengenal pasti isu-isu di peringkat akar umbi. Sepanjang proses ini, APPGM-SDG sering mengetengahkan bahawa tiada penyelesaian 'silver bullet' kerana ianya memerlukan pemahaman yang begitu mendalam di peringkat tempatan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap masalah-masalah tersebut.

Walaupun Petaling Jaya adalah lebih maju dalam proses penglokalisasi SDG, hasil usaha daripada YB Puan Maria Chin dan MBPJ, APPGM-SDG ingin menekankan bahawa pendekatan dari bawah ke atas (bottom-up) adalah amat penting di dalam proses ini bagi memastikan tiada sesiapa ketinggalan.

## 4.6 TANJUNG PIAI, JOHOR

Oleh En. Kiu Jia Yaw (Ketua Koordinator)



Keahlian pasukan APPGM-SDG terdiri daripada ahli akademik dan sukarelawan daripada Gabungan CSO-SDG Malaysia yang melawat Tanjung Piai dengan semangat berkobar-kobar tapi berasa sangsi pada masa yang sama. Lawatan tapak bertumpu kepada pengenalpastian isu-isu sosio-ekonomi dan ekologi yang paling mendesak di lapangan dengan memetakan sumber dan pemegang taruh yang diperlukan dalam menangani isu-isu tersebut.

Di Tanjung Piai, mata pencarian nelayan dan penduduk kampung pantai telah terjejas akibat projek-projek penambakan laut di sepanjang pantai dan kekurangan sistem pembuangan dan pengurusan sisa pepejal. Masyarakat yang terpinggir ini mempunyai akses kepada sistem pembentungan yang minimum. Mereka menekankan bahawa program pemulihan yang dilaksanakan adalah tidak sesuai dengan keperluan dan situasi penduduk, manakala bantahan dan petisyen telah dihiraukan. Walaupun terdapat program inovasi yang diperkenalkan, masih terdapat cabaran yang dihadapi oleh pegawai awam.

Kebanyakan ahli pasukan mempunyai banyak pengalaman bekerja di lapangan, oleh itu situasi yang

dihadapai ini adalah perkara biasa. Namun begitu, lawatan tapak tersebut juga adalah pengalaman yang tidak dapat dilupakan disebabkan dua perkara. Pertama, pasukan APPGM-SDG mengambil pendekatan secara berfokus dan bottom-up dengan perspektif di peringkat nasional dan Parlimen. Kedua, terdapat aura optimistik yang tinggi oleh pasukan kajian walaupun terdapat pelbagai cabaran yang dihadapi sepanjang lawatan tapak ini dijalankan.

Pendekatan yang diambil oleh APPGM-SDG telah memudahkan pemegang taruh dari pelbagai







peringkat untuk bertemu dan mengenalpasti isu-isu yang berkaitan dengan komuniti secara spesifik. Banyak manfaat yang diperolehi dengan penglibatan semua pemegang taruh; semua maklumat yang berkaitan boleh dibincangkan, terutama yang menyentuh keperluan sebenar masyarakat, proses di peringkat daerah, dan bidang kuasa agensi kerajaan. Perbincangan ini adalah penting untuk menghalusi dan membentuk kerangka untuk masalah yang dihadapi, mengenalpasti cara penyelesaian secara berfokus dan mewujudkan sebuah proses untuk bekerjasama dalam mencari jalan penyelesaian. Pendekatan ini dapat melihat sebuah interaksi dan dinamik bentuk baru antara agensi kerajaan, masyarakat setempat, pihak berkuasa tempatan kerana tujuan semua pihak telah pun diselaraskan. Ini melahirkan sifat optimistik dalam mendepani isu-isu merentasi sektor yang dialami oleh masyarakat di Tanjung Piai.



## 4.7 PAPAR, SABAH

Oleh Prof. Dato' Dr. Rashilah  
(Ketua Koordinator)

Papar adalah konstituensi Parlimen dengan bilangan penduduk sebanyak 76,000 di mana 64% adalah Bumiputera Islam, 26% Bukan Bumiputera dan 31.2% Bangsa Cina. Lawatan tapak di Pagar diadakan untuk tempoh tiga hari dari 21 ke 23 Februari 2020 di mana pasukan APPGM-SDG telah menjalankan aktiviti pemetaan isu dan melawat kawasan-kawasan yang vulnerable seperti yang dikemukakan oleh pihak pejabat Parlimen Pagar. Di sana, kumpulan kerja APPGM-SDG telah berpeluang untuk berjumpa dengan pegawai-pegawai dari agensi kerajaan negeri dan NGO. Ahli Parlimen, YB Hj. Ahmad Hassan, juga turut hadir sepanjang lawatan tapak tersebut. Beliau adalah ahli parti WARISAN yang merupakan sebahagian daripada parti pemerintah semasa beliau mula memasuki pejabat.

YB Hj. Ahmad Hassan telah menyuarakan kebimbangan terhadap kesejahteraan rakyat di Pagar. Pasukan APPGM-SDG mendapati bahawa isu-isu dan cabaran yang dihadapi oleh penduduk di Pagar adalah bersifat umum. Antaranya adalah kekurangan penyelenggaraan infrastruktur seperti jalan raya dan kemudahan kutipan sampah sarap,







kekurangan kerjasama dan komunikasi antara agensi, dan kekurangan peluang untuk golongan belia. Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo juga telah mencetus kesengsaraan kepada pesawah padi akibat gangguan bekalan air.

Terdapat lima isu utama yang dikenalpasti di Papar. Pertama, adalah kemiskinan dan kekurangan pendidikan yang sering berlaku dalam kalangan kanak-kanak di kawasan luar bandar. Kedua, pembinaan Lebuhraya Pan Borneo yang memberi impak kepada sektor pertanian terutamanya pesawah padi. Ketiga, mata pencarian kumpulan nelayan yang semakin merosot akibat aktiviti pukat tunda dan sekatan kawasan memancing yang ditetapkan oleh kerajaan negeri. Keempat, ketiadaan sistem pengurusan sisa pepejal yang menyebabkan pembuangan sampah sarap yang tidak teratur oleh penduduk kampung. Daripada lima isu tersebut, dua isu telah diutamakan bersama-sama pegawai pejabat Parlimen Papar. Susulan daripada itu, projek Agro dan projek Akuakultur telah dipilih sebagai cadangan projek solusi di papar.

Penglokalisasian SDG di Papar menerusi Projek Akuakultur dan Projek Agro telah memberi peluang kepada golongan belia, pesawah padi dan nelayan. Kumpulan pesawah padi berhasrat untuk mewujudkan sebuah organisasi untuk menyuarakan pendapat mereka. Kumpulan nelayan pula berhasrat untuk membina sebuah tapak pembenihan sebagai sumber pendapatan melalui aktiviti ternakan ikan.

Daripada lawatan tapak ini juga, ianya dapat diperhatikan bahawa masyarakat akar umbi terutamanya pesawah padi bersemangat untuk mengubah cara mereka berurusan dengan agensi kerajaan. Selain itu, penyertaan CSO juga adalah lebih kukuh dalam kalangan nelayan berbanding pesawah padi.

Namun begitu, terdapat isu-isu jangka masa panjang yang tidak boleh ditangani oleh APPGM-SDG seperti isu pendidikan, terutamanya untuk kanak-kanak perempuan di kawasan luar bandar, yang terikat dengan isu kemiskinan dan ketiadaan kemudahan. Sebuah pendekatan secara sistematik dan mantap yang melibatkan kerjasama pelbagai pemegang taruh diperlukan untuk menangani isu-isu tersebut.

## 4.8 PENSIANGAN, SABAH

Oleh Prof. Dato' Dr. Rashilah Ramli  
(Ketua Koordinator)



Pensiangan adalah kawasan perkampungan yang didiami oleh 32,000 orang penduduk. Ia melibatkan dua daerah iaitu Nabawan dan Suk. Kumpulan etnik utama yang terdapat di Pensiangan adalah Murut dan Lundayeh. Lawatan tapak APPGM-SDG telah diadakan daripada 24 sehingga 26 Februari 2020. Kebanyakan kawasan yang dilawat oleh pasukan kajian adalah di sekitar Keningau berdekatan dengan pejabat YB Datuk Arthur Kurup. YB Datuk Arthur Kurup adalah ahli Parti Bersatu Rakyat Sabah dan juga Timbalan Menteri Kementarian Hal Ehwal Ekonomi. Pejalanakan ke Keningau mengambil masa sebanyak 2 jam setengah semasa merentasi Banjaran Crocker. YB Datuk Arthur tidak dapat menyertai lawatan tapak tersebut namun beliau sentiasa berkomunikasi dengan pasukan kajian melalui telefon dan WhatsApp.

Dua tema utama yang sering bangkit dalam isu-isu yang digariskan adalah kemiskinan dan masyarakat yang terpinggir. Isu tersebut dapat diperhatikan di seluruh kawasan Parlimen Pensiangan. Ciri Pensiangan adalah separa luar bandar dan tidak membangun. Rakyat di Pensiangan masih menggunakan jalan yang

tidak berturap, menyebabkan mereka menghadapi kesukaran untuk bergerak dan risiko bahaya semasa musim hujan.

Terdapat isu-isu jangka masa pendek yang melibatkan masyarakat terpinggir di luar bandar seperti golongan belia, wanita dan petani miskin. Antara isu yang dikenalpasti adalah pengangguran belia, keciciran persekolahan, perkahwinan bawah umur, dan isu kesihatan melibatkan kumpulan wanita, kanak-kanak dan warga emas, termasuk petani yang berpendapatan rendah dan tidak mempunyai kemahiran keusahawanan dan vokasional.

Selepas sesi pengutamaan isu, projek penyelesaian yang dipilih adalah berkaitan dengan pemerkasaan wanita melalui projek kesihatan dan pengurusan sisa sampah. Walaupun YB Datuk Athur tidak dapat menyertai pasukan kajian semasa lawatan tapak, beliau telah turut serta dalam salah satu bengkel perbincangan yang dijalankan oleh rakan pelaksana iaitu bagi projek SP09 dan SP12 untuk golongan belia dan wanita.





Meskipun demikian, masih ada cabaran yang dihadapi di dalam proses pembangunan Pensiangan secara menyeluruh. Bagi mengatasi cabaran ini, masalah-masalah yang diklasifikasikan sebagai masalah-masalah jangka panjang, harus dikenal pasti dan titik kerjasama antara agensi perlu dicari. Permasalahan-permasalahan yang bersifat jangka panjang harus ditangani dengan sewajarnya, dan ianya mesti diberi perhatian dalam dasar pembangunan dan Rancangan Malaysia ke-12. Ini kerana projek jangka panjang memerlukan dana dan sumber yang lebih besar.

Jarak yang jauh antara satu kawasan ke kawasan lain di Pensiangan sebenarnya merupakan cabaran besar terhadap pelbagai masalah pembangunan, termasuk penyediaan perkhidmatan dan utiliti (termasuk air bersih dan tenaga dan pengurusan sisa). Jalan yang menghubungkan Pensiangan dan kawasan sekitarnya sering terputus ketika tebing sungai terhakis. Hal ini setrusnya memberi impak perjalanan keluar masuk ke kawasan ladang, sekolah-sekolah di pedalaman, dan perkhidmatan kesihatan. Jurang dalam sambungan digital dan infrastruktur adalah isu yang amat ketara dan menyebabkan jurang yang lebih besar kepada penduduk luar bandar.

## 4.9 BANDAR KUCHING, SARAWAK

Oleh Pn. Omna Sreeni Ong  
(Ketua Koordinator)

### Memahami Realiti Setempat

Projek kami diketuai oleh YB Dr. Kelvin Yii Lee Wuen yang mengatur jadual lawatan tapak pada bulan Februari 2020. Pemahaman beliau terhadap kawasan Parlimen beliau telah membawa pencerahan tentang isu-isu yang dibangkitkan semasa dua sesi libat urus pemegang taruh pada peringkat awal yang diadakan bersama agensi kerajaan negeri dan dua sesi bersama badan bukan kerajaan. Isu utama yang diketengahkan adalah kekurangan akses maklumat dalam bantuan dan perkhidmatan kerajaan; ketagihan dadah dalam kalangan remaja; kehamilan remaja; penderaan seksual kanak-kanak; penduduk tanpa kewarganegaraan/dokumen; penyelarasan dan kerjasama antara agensi kerajaan-CSO-masyarakat

### Masyarakat di Pertengahan Bandar

Lawatan tapak ke kawasan tertentu yang dikenalpasti oleh YB Kelvin membawa kami ke realiti kehidupan masyarakat setinggan yang dibelenggu oleh kemiskinan; dengan tahap kebersihan dan

pengurusan sampah yang teruk dan ketinggalan dalam menerima manfaat pembangunan. Tiga lawatan tapak telah dijalankan di Kampung Chawan, Selangan Batu dan Kampung Kudei Dunggu. Ketiga-tiga kawasan ini didiami oleh masyarakat setinggan yang telah menetap di kawasan ini selama 40 tahun. Ketiga-tiga komuniti ini adalah antara 1,000 masyarakat setinggan yang dikenalpasti oleh kerajaan negeri di bandar Kuching. Walaupun kerajaan negeri telah menggubal dasar sifar setinggan untuk dicapai pada tahun 2025, masih terdapat banyak cabaran yang masih tidak ditangani selama bertahun-tahun. Akibat kebuntuan dan status tidak sah masyarakat setinggan ini telah mengakibatkan banyak keluarga multigenerasi yang hidup di dalam masyarakat yang terasing dan bersendirian, keadaan yang sangat teruk, kekurangan perkhidmatan utiliti asas dan terdedah kepada kejutan ekonomi dan alam sekitar.

Namun begitu, hasil perbualan bersama penduduk menunjukkan komuniti ini mempunyai dan menaruh harapan terhadap keluarga mereka; sama seperti komuniti yang hidup mewah di bandar. Walaupun mempunyai kehidupan seharian yang mencabar, komuniti ini mempunyai daya ketahanan, bekerja keras, bersemangat dan penuh harapan. Ianya jelas bahawa masyarakat setinggan akan terus menetap







di kawasan penempatan ini untuk jangka masa yang panjang. Untuk mengenalpasti komuniti atau isu-isu yang perlu ditangani, pasukan kajian telah mengambil kira keperluan strategi SDG yang paling penting untuk komuniti yang paling terpinggir. Maka, lahirlah sebuah Projek Inkubator Setinggalan (Slum Incubator Project) di Kg Chawan dan Kg Selangan Batu.

### Projek Inkubator Setinggalan

Matlamat projek ini adalah untuk membina keupayaan penduduk setempat dalam mengurus hal ehwal kemasyarakatan dengan berkesan dan memperkasakan masyarakat setinggalan untuk mengatasi masalah dan keperluan mereka. Model projek ini dihasilkan secara bersama – berdasarkan pengenalpastian isu dan keperluan komuniti, berbincang dengan kumpulan penduduk untuk mengutamakan isu-isu dan mencari jalan penyelesaian. Kami mengenalpasti dua NGO tempatan untuk melaksanakan projek tersebut iaitu ROSE (Selangan Batu) dan SADIA (Kg Chawan).

### Mengenalpasti Keperluan

Pengenalpastian keperluan komuniti melalui kaji selidik yang menekankan gender responsif telah membantu dalam memahami realiti yang dihadapi oleh keluarga-keluarga tersebut. Sebanyak 124 isi rumah di Selangan Batu dan 56 isi rumah di Kg. Chawan mengambil bahagian dalam kaji selidik tersebut.

Pelbagai isu dan masalah telah diketengahkan dan dibicarakan dalam bentuk town hall untuk mengupas isu-isu tersebut dan bersama-sama mencari jalan penyelesaian.

### Masyarakat Yang Bekerjasama

Hasil penilaian keperluan telah dikongsi bersama komuniti dan jalan penyelesaian telah ditentukan secara bersama-sama. Isu-isu yang dikenalpasti termasuklah kesihatan wanita, penjanaan pendapatan, pembaikan infrastruktur, pendidikan, pertanian komuniti, celik kewangan, dan hak kewarganegaraan. Kebanyakan mereka di dalam komuniti bekerjasama dalam program ini di bawah bimbingan seorang penyelaras komuniti tempatan.

### Para Juara Chawan (Chawan Champions): Kisah Kebangkitan Wanita

Antara pencapaian terbesar projek di Kuching adalah lima wanita dan seorang lelaki berkebolehan tinggi yang tampil untuk melaksanakan projek-projek di Kg Chawan diiringi oleh pasukan SADIA termasuk Nicholas dan RuKeith. Sebagai penyelaras projek komuniti, mereka mengadakan kaji selidik secara bersemuka, mengetuai sesi town hall, dan mengurus beberapa inisiatif di dalam komuniti. Disebabkan mereka sendiri yang giat melaksanakan projek tersebut, mereka dapat menyelami isu komuniti dengan lebih mendalam, bersama-sama mencari jalan penyelesaian dan menyelaras inisiatif tersebut.

### Mengenalpasti Tahap Keupayaan

Mengenalpasti tahap keupayaan seseorang individu untuk menyumbangkan ke arah kesejahteraan masyarakat telah membantu gerak kerja pasukan kajian di dalam komuniti. Keupayaan dan kemahiran rakan-rakan komuniti (community collaborators) telah diasah melalui penglibatan di dalam inisiatif yang dilaksanakan. Pengalaman dan keupayaan individu-individu ini perlu diiktiraf kerana kepentingannya dalam membolehkan semua pihak dapat turut serta secara saksama disebabkan tiada budaya hierarki di dalam pengurusan projek dan mesyuarat. Kepimpinan YB Dr. Kelvin yang berbentuk 'hands-on' adalah kritikal dalam menggerakkan projek tersebut. Galakan dan bimbingan yang diberikan oleh rakan CSO juga adalah penting dan banyak menyumbang terhadap pemerkasaan rakan-rakan komuniti.



**Menemui Agensi-agensi**

Penglibatan agensi-agensi di dalam projek semasa pelaksanaan telah mewujudkan rundingan secara bottom-up antara kerajaan, masyarakat civil dan ahli-ahli komuniti. Himpunan ini diaturkan oleh rakan kongsi CSO yang ketiga iaitu REDEEMS. Dua wanita yang mewakili Chawan Champions telah memberikan sebuah pembentangan yang jelas berkenaan isu-isu kritikal yang dihadapi oleh penduduk berdasarkan hasil penemuan dan analisis penilaian keperluan. Mereka telah berkongsi hasil temu duga yang dijalankan bersama keluarga dan juga menjelaskan proses partisipatif di dalam perbincangan komuniti town hall dan pelaksanaan projek penyelesaian. Susulan daripada sesi ini, Chawan Champions telah menghantar satu surat kepada JKM dan berjaya mengadakan mesyuarat secara maya. Selepas itu, satu lagi surat juga telah dihantar ke pihak berkuasa tempatan untuk menjelaskan isu-isu pengurusan sampah dan memohon tong sampah yang lebih besar.

**Cabaran dan Penyelesaian**

Salah satu lokasi projek solusi menghadapi cabaran untuk pelbagai sebab disebabkan perubahan dalam kepimpinan organisasi penduduk. Rakan pelaksana dan pasukan kajian yang bekerja rapat dengan YB Dr. Kelvin telah dapat mengubah lokasi projek kepada Selangan Batu melalui perancangan dan pemantauan yang berterusan. Walaupun pelaksanaan projek tersebut telah terjejas disebabkan pandemik Covid-19, pasukan kajian, rakan pelaksana termasuk rakan-rakan komuniti berunding semula untuk mengolah dan mengubahsuai projek tersebut dengan norma baharu. Perancangan baru sedang berjalan untuk memastikan kelestarian program. Program tersebut perlu digerakkan oleh kumpulan penduduk di mana pengalaman mereka dalam menyertai projek ini telah mengasah keupayaan mereka untuk membantu keperluan komuniti mereka dari semasa ke semasa.



## 4.10 BATANG SADONG, SARAWAK

Oleh Pn. Omna Sreeni Ong  
(Ketua Koordinator)



Kawasan Parlimen Batang Sadong (P200) adalah terletak di daerah berciri separa luar bandar di Sadong Jaya, Simunjan dan Gedung dengan keluasan 103,004 hektar dan 37,068 bilangan penduduk. Isu-isu yang didapati hasil daripada lawatan tapak yang pertama adalah kemudahsampaian fizikal (akses) yang lemah di dalam kawasan parlimen, kekurangan sambungan digital, penggunaan Bahasa Inggeris yang lemah di kalangan guru, kekurangan infrastruktur dan kemudahan, kegiatan ekonomi yang rendah dan keupayaan pemasaran dan masalah kesihatan. Projek kami yang berlangsung selama 12 bulan telah menangani isu-isu utama ini melalui enam inisiatif yang dijalankan di tiga daerah.

### Pasukan Kepimpinan Tempatan

YB Dato' Sri Hajjah Nancy Shukri yang memegang jawatan Pengerusi-Bersama APPGM-SDG pada tahun 2019 mempunyai peranan besar dalam memudahkan lagi aktiviti penglokalisasi SDG di Batang Sadong. Beliau juga telah mengadakan sesi pengenalan dan rundingan bersama pegawai daerah tempatan dan agensi kerajaan pada peringkat awal projek. Susulan daripada ini, En. Kamaludin Effendi (Setiausaha Politik

P200) dan En Awang Safri (Setiausaha P200) telah memainkan peranan penting dalam pelaksanaan projek di kawasan parlimen batang sadong. Selain itu, Assoc. Prof. Dr. Zaimuriffudin Shukri Nordin (Pembantu Ketua Koordinator/Penyelidik) juga memainkan peranan penting dalam menyertai sesi perbincangan bersemuka, program dan mesyuarat bersama agensi-agensi kerajaan. Kehadiran pemimpin tempatan dan Ketua Koordinator adalah kritikal dalam membentuk pasukan kajian. Mereka memainkan peranan sebagai pemangkin utama projek dan menyatukan semua pihak termasuk APPGM + Ahli Parlimen + Agensi Kerajaan + CSOs tempatan + Komuniti.

### Memahami Keperluan: Turun Padang

Projek solusi telah ditentukan berdasarkan hasil lawatan tapak pada bulan Februari tetapi reka bentuknya telah ditambahbaik berdasarkan penilaian keperluan yang diadakan oleh setiap rakan pelaksana iaitu MYReaders, PESAKMA dan Yayasan Salam yang turut serta dalam sesi lawatan tapak bersama pasukan kajian untuk menyelami isu-isu yang dihadapi oleh agensi tempatan dan masyarakat. Mesyuarat telah diadakan bersama



guru sekolah dan pegawai tadbir (program Bahasa Inggeris), doktor (program kesedaran TB) dan kaji selidik bersama komuniti (penjanaan pendapatan dan program pemasaran dalam talian). Penglibatan ADUN dan maklum balas daripada komuniti yang berkaitan banyak menyumbangkan input penting. Selepas perbincangan bersama pasukan projek, projek pembinaan keupayaan dan penyelesaian telah diperhalusi untuk memenuhi keperluan komuniti dengan lebih baik.

### Mengatasi Situasi COVID

Pandemik COVID-19 telah membawa banyak cabaran yang telah menunda dan menghentikan projek tersebut. Ia telah menjejaskan bilangan peserta dalam program-program dan mengakibatkan kelewatan dalam tempoh pelaksanaan. Pasukan kajian bergerak dengan pantas dengan mengadakan perbincangan bersama rakan-rakan pelaksana untuk mengolah semula projek tersebut. Contohnya, program kesedaran TB yang sepatutnya diadakan di sekolah-sekolah telah ditukar lokasinya ke kawasan komuniti. Projek lain seperti program Bahasa Inggeris

dapat dimulakan sebelum perintah 'lockdown' dan disambung semula melalui sesi dalam talian melalui aplikasi Telegram yang efektif sebagai satu saluran komunikasi dan perundingan antara guru-guru.

### Memupuk Kerjasama Antara Pemegang Taruh

Kerjasama dapat dilihat dalam semua program pembangunan kapasiti dan projek solusi antara wakil-wakil Pasukan Kajian, Pejabat YB Dat' Sri Hajjah Nancy Shukri, rakan-rakan pelaksana, dimana mereka semua dilibatkan dan bekerjasama menerusi perkongsian pintar (smart partnership). Sebuah sesi kesedaran dan rundingan yang diaturkan oleh rakan pelaksana REDEEMS telah membantu agensi-agensi kerajaan berkongsi isu-isu secara bottom-up. Pejabat YB Dato' Sri Hajjah Nancy Shukri telah memainkan peranan penting dalam melibatkan ADUN, agensi-agensi kerajaan sebagai rakan sekerja di dalam projek-projek yang dijalankan.

- Inisiatif Khas –
  - o Syarikat swasta (CELCOM) telah dilibatkan oleh pasukan projek melalui beberapa sesi







perbincangan yang menekankan isu sambungan digital di Batang Sadong. Hasil perbincangan tersebut, Kg Jemunan telah mendapat perkhidmatan 4G yang memanfaatkan penduduk setempat yang sebelum ini perlu berjalan sejauh 3 km hanya untuk mendapatkan liputan internet.

- o UNIMAS telah menyumbangkan dua buah komputer terpakai kepada SMK Sadong Jaya apabila pasukan kajian telah membangkitkan isu tersebut dengan Universiti.

### **Mengimbas Kembali Hasil Projek dan Impak**

- Keterlibatan golongan wanita adalah tinggi di dalam projek-projek di mana cabaran dan halangan telah dikenalpasti semasa penilaian keperluan.
- Pejabat Ahli Parlimen memainkan peranan besar dalam memupuk penglibatan pemegang taruh (multi-stakeholders) dalam perbincangan dan pelaksanaan projek-projek solusi di sepanjang tempoh projek. Beberapa siri mesyuarat akhir bersama agensi-agensi bakal diadakan sebelum projek tamat pada bulan March 2021 untuk berkongsi hasil daripada aktiviti, penemuan kajian, isu-isu baru dan untuk membincangkan langkah seterusnya.
- CSO tempatan perlu lebih banyak dilibatkan dalam penglokalisasi SDG di Sarawak.
- Pasukan projek dan rakan-rakan pelaksana masih terus berhubung bersama peserta menerusi Whatsapp, Telegram dan panggilan video walaupun terdapat masalah internet.
- Membawa agensi-agensi kerajaan dan pihak swasta sendiri melihat isu-isu setempat telah mewujudkan keterlibatan dan perasaan pemilikan yang lebih tinggi.
- Pasukan kajian yang giat merancang, melaksana, mengimbas kembali dan giat belajar telah membantu untuk mengubahsuai aktiviti-aktiviti dalam mengatasi impak pandemik.

## 5 Program Pembangunan Kapasiti

Oleh Dr. Zainal Abidin Sanusi,  
Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli & En. Khalid  
Al-Walid

Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) telah menyediakan sebuah rangka kerja yang cemerlang dan menyeluruh untuk memenuhi keperluan pembangunan pada peringkat global, nasional dan tempatan. Demi memastikan sasaran SDG dapat dicapai, semua pihak pemegang taruh memerlukan kepupayaan teknikal, institusi dan organisasi untuk melaksanakan pelbagai tindakan dan inisiatif yang termaktub dalam matlamat tersebut. Selain itu, keupayaan tersebut perlu dibentuk mengikut konteks dan ciri-ciri sosio-ekonomi setempat dalam sesebuah masyarakat dan komuniti.

Kegagalan dalam membina keupayaan secara efektif dan berkesan adalah faktor utama kebanyakan agenda antarabangsa hanya kekal sebagai niat yang baik tetapi jarang dilaksanakan di peringkat tempatan. Walaupun kebanyakan agenda tersebut dapat dimasukkan di peringkat nasional, ia hanya kekal di peringkat perancangan. Maka, tempoh masa yang panjang diperlukan supaya sasaran-sasaran SDG dapat dicapai secara menyeluruh.

Pada tahun 2020, pasukan APPGM-SDG telah melaksanakan lima kluster program pembinaan keupayaan di lima kawasan Parlimen iaitu Tanjung Piai, Bentong, Pendang, Papar dan Pensiangan. Terdapat sejumlah 100 peserta mewakili 50 agensi yang menyertai program tersebut.

Di Papar, dua program pembinaan keupayaan telah diadakan. Pertama, adalah Program Kesedaran SDG (PK15) oleh Persatuan Sosial Sains Malaysia (PSSM) dan kedua, Advokasi Dam daripada PACOS. Bagi PK15, terdapat enam peserta (empat wanita dan dua lelaki) walaupun asalnya penganjur program telah merancang untuk 15 peserta. Namun begitu, ramai kakitangan awam terpaksa menghadiri program-program jabatan di saat akhir berikutan Pilihan Raya Sabah pada masa itu. Enam peserta tersebut adalah daripada Jabatan Komputer Negeri dan PDM Buang Sayang.

Di Pensiangan, tiga program pembinaan keupayaan

telah diadakan iaitu Program Kesedaran SDG oleh PSSM, Pemerkaasan Wanita untuk kanak-kanak dan dewasa befokuskan Kesihatan oleh Sabah Women's Action Resource Group (SAWO), dan Pemerkaasan Belia untuk Pekerjaan oleh Tulid Youth Club (TYC). Untuk program Kesedaran SDG, terdapat lapan peserta (empat wanita dan empat lelaki). Peserta adalah daripada agensi berikut: Jabatan Perangkaan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kesihatan, Jabatan Perpaduan Negara, Pejabat Belia dan Sukan, Jabatan Tenaga Kerja dan SAWO.

Di Pendang, 31 peserta dari 12 agensi kerajaan dan empat NGO telah mengambil bahagian di dalam program. Peserta-peserta adalah dari KEJAP, PPK Kg Panjang, RISDA, Pejabat Pendidikan Pendang, PDRM IPD Pendang, MADA, JKM Pendang, APM Pendang, PAWE Pendang, Pejabat Tanah Pendang, Pejabat Daerah Pendang, dan Pejabat Kesihatan Daerah. NGO terlibat adalah Nisa', PEWANGI, MADAD, dan Rabitah Anak Pendang.

Di Tanjung Piai, sebanyak 29 peserta mewakili 20 agensi termasuk NGO dan ahli-ahli komuniti. Di Bentong, 29 peserta menyertai sesi program pembangunan kapasiti ini yang mewakili 16 agensi.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada kejayaan program pembangunan kapasiti SDG. Sepanjang program pelaksanaan program tersebut, terdapat sekurang-kurangnya tiga aspek penting yang perlu diketengahkan.

Pertama, reka bentuk program perlu diubahsuai mengikut keperluan dan ciri-ciri setiap kumpulan komuniti sasaran. Disebabkan SDG menyentuh isu dan individu daripada pelbagai bidang, ia memerlukan pendekatan yang melibatkan semua pemegang taruh daripada pelbagai latar belakang. Sebarang program pembangunan kapasiti harus mengenalpasti kepelbagaian tersebut dan menyatukan mereka untuk menyelesaikan isu-isu yang dikenalpasti. Oleh demikian, terdapat empat komponen spesifik yang dimasukkan di dalam rekabentuk program – pengetahuan SDG, sikap terhadap SDG, nilai penting bagi SDG dan paling penting adalah tindakan untuk SDG. Dengan mengambil kira komponen tersebut, semua program pembangunan kapasiti

bagi APPGM-SDG telah dijalankan oleh pakar subjek dengan bantuan oleh penyelidik yang menjalankan pemprofilan komuniti dan mengenalpasti isu-isu penting daripada kawasan Parlimen yang tertentu. Langkah tersebut adalah kritikal untuk memberi konteks dan parameter yang diperlukan untuk meliputi semua aspek SDG.

Di Tanjung Piai dan Bentong, program pembinaan keupayaan tertumpu kepada mengarusperdanakan dan melokalisasikan agenda SDG. Modul program dibahagikan kepada tiga komponen – pengenalan umum kepada SDG; konteks setempat SDG; isu setempat dan cadangan pelan tindakan untuk mengatasi isu-isu SDG setempat.

Di Papar dan Pensiangan, modul program mempunyai tiga topik:

Mengambil tahu tentang SDG: Pengaturcara memberikan input ringkas kepada APPGM-SDG berkenaan SDG. Aspek 5P dan kepentingan prinsip asas telah dibincangkan.

Perkongsian Isu dan Hubungkait dengan SDG: Menerusi sesi FGD, peserta dapat bekongsi hasil kerja dan mengkaitkannya dengan SDG yang sesuai dengan bantuan pengaturcara. Sebuah Galeri yang didirikan di kaki lima juga membantu peserta lain berkongsi input kepada perbincangan FGD.

Menggunakan SDG di Tempat Kerja. PSSM telah menghasilkan Matriks Pelan Tindakan SDG Persendirian (SDG PAP) di mana setiap individu boleh menggariskan rancangan beliau dalam menghubungkan kerja mereka dengan SDG di tempat kerja.

Di Pendang, modul program dibahagikan kepada tiga komponen seperti berikut:

### Modul 1:

Kita Adalah Dunia yang mengandungi pengenalan, sejarah dan konsep umum Matlamat Pembangunan Lestari kepada peserta. Kaedah penyampaian adalah (i) gamifikasi menggunakan platform digital seperti Kahoot, permainan kad (perbincangan kumpulan), (ii) kajian kes (sesi soal jawab) mengikut senario dalam kehidupan seharian cth., plastik sekali

guna, (iii) musik (memainkan episod atau musik yang diterbitkan untuk menangani agenda SDG).

### Modul 2:

Keusahawanan tempatan yang mengandungi pengenalan kepada konsep peniagaan sosial, kepentingan dan perbedaannya dengan model peniagaan kapitalisme. Kaedah penyampaian adalah (i) Kajian Kes (Berbincang dan berkongsi kisah model peniagaan yang berjaya) dan (ii) Pemetaan hasil-hasil.

### Modul 3:

Bengkel Pelan Tindakan (Blueprint) yang mengandungi aktiviti pengumpulan input melibatkan pengesahan dan perbincangan bersama peserta. Kaedah penyampaian adalah: (i) Analisis SWOT berdasarkan 3 unsur utama SDG iaitu Ekonomi, Sosial dan Alam Sekitar (ii) Menganalisis input dan mengutamakan berdasarkan perbincangan kolektif bersama peserta (iii) Menjalankan analisis Harapan x Janji (Hope x Promise) bersama peserta sebagai aktiviti untuk menyingkirkan sebarang pengaruh untuk isu-isu dan sentimen tertentu.

Komponen kedua merupakan pedagogi atau penyampaian program ini. Ia dijangkakan bahawa peserta-peserta adalah dari pelbagai latar belakang seperti golongan muda, warga emas, pegawai keajaian dan agensi tempatan yang mungkin mempunyai pemahaman dan pendapat berlainan mengenai isu-isu SDG. Maka, sesi bersama kumpulan-kumpulan tersebut memerlukan pelatih yang bagus dan berkemahiran selain mempunyai pemahaman yang tinggi untuk memastikan ia berjaya dijalankan. Lima program yang dijalankan pada tahun 2020 telah dikendalikan oleh kedua-dua pakar subjek dan pengacara terlatih. Kaedah yang digunapakai adalah teori (pengenalan kepada konsep asas SDG) dan praktikal.

Hasil pengajaran yang ketiga adalah untuk memastikan penyertaan yang seimbang dalam kalangan peserta-peserta. Isu-isu SDG adalah merangkumi pelbagai disiplin dan sektor. Budaya bergerak secara bersendirian (work in silo) dalam kalangan agensi pelaksana sering menjadi halangan untuk menyelesaikan masalah dan isu-isu berkaitan

SDG. Maka, cubaan yang terbaik perlu dilakukan demi memastikan semua program pembangunan kapasiti APPGM-SDG mendapat penyertaan penuh daripada empat pemegang taruh utama – CSO/NGO, agensi kerajaan, universiti dan pihak pengusahaan sosial. Di dalam program pembangunan kapasiti APPGM-SDG, kami telah mendapat penyertaan daripada sekurang-kurangnya tiga kumpulan pemgenag taruh utama – ahli-ahli komuniti, NGO dan pegawai kerajaan negeri dan persekutuan. Penyertaan daripada tiga kumpulan ini telah memberikan pemahaman yang lebih mantap dan kaedah penyelesaian yang lebih praktikal kepada isu-isu yang dihadapi oleh komuniti.

Di sepanjang proses penyampaian program pembangunan kapasiti di kawasan-kawasan parlimen, terdapat beberapa cabaran yang dialami yang perlu ditangani supaya program pada tahun 2021 adalah lebih efektif dan berkesan.

Pertama – walaupun kualiti penyertaan adalah lagi penting daripada bilangan peserta, namun bilangan peserta yang kecil akan menjejaskan hasil modul yang dirancang dan motivasi pelatih. Maka, dicadangkan penyertaan program perlu diwajibkan untuk agensi-agensinya kerajaan sebagai sebahagian daripada program latihan kerja. Selain ahli komuniti, walaupun terdapat sambutan yang menggalakkan, tetapi cabaranya adalah mengkontekstkan isu berkaitan kepada zon selesa mereka, dan beralih daripada latihan untuk kesedaran. Di Tanjung Piai dan Bentong, sebuah sijil dengan logo Universiti Islam Antarabangsa Malaysia telah menarik minat masyarakat untuk menyertai program.

Cabaran kedua adalah untuk membahagikan kandungan untuk mengikuti dan memenuhi tahap kefahaman peserta. Walaupun modul tersebut telah dihasilkan mengikut kepelbagaian antara (inter) kumpulan tetapi bukan dalam kumpulan (intra). Contohnya sesebuah kumpulan mungkin mempunyai tahap pemahaman yang berbeza di kalangan ahli komuniti. Maka, salah satu jalan penyelesaian untuk mengatasi cabaran ini adalah untuk mengumpulkan peserta mengikut peringkat/tahap latihan tetapi ia memerlukan program pembangunan kapasiti untuk dijalankan beberapa kali. Ini akan menimbulkan isu-isu

logistik kepada pasukan latihan namun tidak dinafikan ia adalah jalan penyelesaian yang berkesan.

Cabaran ketiga adalah untuk memastikan perubahan berlaku selepas latihan, walaupun hanya di peringkat pemahaman. Isu SDG adalah kompleks dan saling berkaitan walaupun sesama orang yang berpengetahuan. Namun ini tidak bermaksud bahawa orang biasa tidak boleh memahaminya secara penuh. Cabaranya adalah di tangan pelatih yang memerlukan kebolehan untuk bertutur dalam bahasa yang mudah difahami supaya ahli komuniti dapat memahaminya. Cabaran ini dialami semasa program mengaruspedana SDG di Tg Piai dan Bentong. Cabaran tersebut telah diatasi dengan penggunaan teknik penyampaian yang fleksibel dan tidak menghadkannya kepada istilah SDG, tetapi dengan memastikan nilai dan semangat SDG itu dapat disampaikan kepada peserta menggunakan konsep tempatan seperti Sejahtera.

Cabaran keempat adalah untuk menempatkan program pembangunan kapasiti kepada peringkat bawah dan kumpulan lain supaya kesedaran dan tindakan untuk SDG akhirnya dipupuk di kalangan masyarakat. Walaupun begitu, penyebaran kesedaran SDG kepada ahli-ahli komuniti lain adalah sangat sukar, melainkan ada penerimaan ('buy-in') dan jika ada contoh-contoh pameran supaya orang ramai boleh menilai impaknya dari semasa ke semasa.





**Jeli**  
Kelantan



**Pendang**  
KEDAH



**Bentong**  
PAHANG



**Selayang**  
SELANGOR



**Petaling Jaya**  
SELANGOR



Tanjung Piai  
JOHOR



Papar  
SABAH



Pensiangan  
SABAH



Bandar Kuching  
SARAWAK



Batang Sadong  
SARAWAK





## 6 Projek-projek Solusi & SDGS

Oleh: En. Anthony Tan Kee Huat  
(Pegawai Kewangan APPGM-SDG)

Secara purata, terdapat tiga projek penyelesaian yang disetujui dan diluluskan di setiap kawasan parlimen. Selayang merupakan kawasan Parlimen dengan prestasi yang baik dengan lapan projek disetujui manakala, Pendang, Papar, dan Tanjung Piai masing-masing melaksanakan dua projek. Secara keseluruhan, terdapat 34 Projek Solusi yang mendapat persetujuan untuk dilaksanakan.

Pada fasa Pemetaan Isu, masalah yang dikenal pasti dianggap berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Lestari secara langsung. Namun, pada fasa pelaksanaan Projek Solusi, sifat Matlamat Pembangunan Lestari yang saling berkait dan merentasi isu-isu menjadi lebih jelas. Pada tahap awalnya, projek solusi dimulai untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan sesuatu matlamat atau sasarannya secara umum, tetapi pada akhirnya, didapati bahawa projek-projek ini telah menangani empat hingga sepuluh masalah yang saling berkaitan dengan matlamat-matlamat lain sekaligus.

Tiga contoh yang menunjukkan sifat Matlamat Pembangunan Lestari yang saling berkaitan semasa pelaksanaan Projek Solusi adalah seperti penjelasan di bawah. Boleh dikatakan 34 Projek Solusi Fasa Perintis 2020 APPGM-SDG memberikan gambaran mengenai kerumitan masalah yang berkaitan dengan Matlamat Pembangunan Lestari dan cara-cara untuk mengatasinya secara holistik.

Contoh pertama adalah Projek Solusi di PPR Desa Mentari, Petaling Jaya. Semasa fasa Pemetaan Isu, isu kemiskinan (SDG1) dilihat dengan sangat jelas. Oleh itu, Projek Solusi yang dilaksanakan untuk mengatasi masalah ini adalah dengan cara mendirikan pusat makanan di PPR tersebut. Namun sepanjang pelaksanaan projek itu, pusat makanan ini juga meninggalkan kesan dan menampakkan isu-isu mengenai matlamat berkenaan pendidikan (SDG4), gender (SDG5), pekerjaan (SDG8), infrastruktur (SDG9),

ketidaksamaan (SDG10), bandar (SDG11), struktur pemerintahan (SDG16), dan kerjasama (SDG17).

Contoh kedua adalah Kampung Sinaron di Papar. Semasa fasa Pemetaan Isu, masalah pembuangan sampah telah dikenal pasti dan dihubungkan dengan SDG15 iaitu Kehidupan di Darat. Oleh itu, Projek Solusi yang dicadangkan adalah "Pengurusan Sisa & Pemerkasaan Ekonomi". Namun, setelah projek ini diselesaikan, masalah lain juga ternampak lebih jelas lalu dihubungkan ke beberapa matlamat lain. Antaranya ialah kemiskinan (SDG1), kelaparan (SDG2), kesihatan (SDG3), ketidaksamaan (SDG10), bandar (SDG11), penggunaan dan pengeluaran yang bertanggungjawab (SDG12), struktur pemerintahan (SDG16), dan kerjasama (SDG17).

Contoh terakhir ialah di Kampung Chawan, Bandar Kuching. Projek ini melibatkan empat siri latihan tentang sosio-ekonomi dengan tujuan untuk meningkatkan kesejahteraan mereka secara keseluruhan. Projek ini pada mulanya dicadangkan untuk mengatasi masalah kemiskinan (SDG1) dan ketidaksamaan (SDG10). Tetapi menjelang akhir pelaksanaan projek solusi, masalah-masalah lain juga dikenal pasti dan selepas pemetaan, merangkumi matlamat berkenaan pendidikan (SDG4), air bersih (SDG6), tenaga (SDG7), pekerjaan (SDG8), bandar (SDG11), penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab (SDG12), pemerintahan (SDG16), dan kerjasama (SDG17).

Melalui fasa Pemetaan Isu dan penyelidikan, masalah kemiskinan (SDG1) adalah dianggap sebagai masalah yang paling mendesak di kalangan masyarakat miskin bandar dan luar bandar. Namun, pada fasa Projek Solusi, ada tiga masalah lain yang saling berkait mulai timbul seperti ketidaksamaan (SDG10), pemerintahan (SDG16) dan kerjasama (SDG17). Salah satu faktor umum yang menyumbang kepada masalah yang dikenal pasti adalah ketidaksamaan sosial. Masalah ketidaksamaan sosial dikaitkan dengan masalah pemerintahan dan perkongsian. Isu pemerintahan muncul kerana kurangnya kerjasama pelbagai pihak

dalam sebuah komuniti. Dengan kata lain, kerjasama yang baik membawa kepada pemerintahan yang baik seterusnya mengurangkan ketidaksamaan dalam sesebuah komuniti.


Ini menunjukkan perlunya perbincangan kritis dalam menangani masalah-masalah yang berkenaan dan saling berkait rapat dengan Matlamat Pembangunan Lestari yang ternyata berlaku di peringkat tempatan dan nasional. Ianya juga diperhatikan bahawa salah satu penyumbang utama kejayaan pelaksanaan projek solusi adalah kerana kerjasama yang baik antara pemegang-pemegang taruh tempatan. Peranan aktif yang diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan, iaitu, ahli-ahli Parlimen termasuk pegawai-pegawai mereka, pegawai agensi dari peringkat daerah, negeri, dan persekutuan, CSO/NGO, perusahaan sosial, dan juga masyarakat setempat memberikan hasil yang sangat positif kepada usahasama ini.

Sebaliknya, kekurangan kerjasama dan kolaborasi antara pihak-pihak berkenaan akan memberi kesan negatif kepada pelaksanaan projek solusi, masyarakat dan akhirnya, pembangunan akan terhenti. Contohnya, ketika seseorang wakil pemimpin masyarakat enggan bekerjasama dengan organisasi

masyarakat sivil atau ahli Parlimen mereka untuk melaksanakan projek solusi, projek tersebut pasti tidak boleh dijalankan dengan lancar lalu ianya tidak akan meninggalkan apa-apa impak kepada masyarakat. Akibatnya, masyarakat setempat tidak mendapat faedah, dan masalah mereka tetap tidak dapat diatasi.

Walaupun terdapat isu-isu yang umum dan saling berkait, tidak ada dua kawasan yang menghadapi cabaran dan masalah yang sama. Oleh itu, projek solusi adalah berbeza bagi setiap kawasan parlimen. Masalah dan sesuatu penyelesaiannya amatlah bergantung kepada keadaan masyarakat setempat. Tidak ada satu solusi yang universal yang akan mengatasi semua masalah yang dikenal pasti dalam kawasan Parlimen tertentu.

Latihan pemetaan masalah dan pengutamaan masalah adalah penting untuk mengenal pasti masalah dan isu yang paling mendesak yang harus ditangani di sesebuah kawasan. Walaupun hanya satu matlamat utama yang menjadi fokus selama pelaksanaan projek solusi, tetapi jika kita berlandaskan kepada prinsip Matlamat Pembangunan Lestari, skop sasaran matlamat akan menjadi lebih jelas dan banyak masalah-masalah lain dapat ditangani.





## 7 Pemantauan Dan Penilaian

Oleh Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli

Fasa terakhir yang penting bagi inisiatif APPGM-SDG ini adalah fasa 'Monitoring & Evaluation' kerana fasa ini mencerminkan kejayaan dan juga pengajaran bagi proses penglokalisasi Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) secara menyeluruh.

Gerak kerja APPGM-SDG mempunyai empat fasa tindakan iaitu, Fasa pertama: Fasa Pemetaan dan Pengutamaan Isu; Fasa kedua: Penyediaan kertas kerja bagi bengkel pembangunan kapasiti dan Projek Solusi, Fasa ketiga: Pelaksanaan Projek Solusi dan Mid-Term Review; Fasa Keempat: Penilaian Impak melalui Pemantauan dan Penilaian dan Laporan Akhir.

Proses P&P ini bermula di fasa ketiga iaitu fasa pelaksanaan projek solusi dan mid-term review. Proses ini akan memberi pandangan atau input kepada fasa keempat. Semua Projek Solusi yang dilaksanakan mestilah dipantau agar APPGM-SDG boleh memberi maklumbalas kepada pemegang taruh yang sepatutnya. Proses ini juga penting untuk memberi maklumbalas bagi apa-apa perubahan penting kepada rancangan dan reka bentuk projek-projek yang dicadangkan.

Secara amnya, process P&P ini mempunyai empat komponen: Reka bentuk (Design), Perancangan, Pelaksanaan, dan Penilaian Impak. Ciri unik P&P ini adalah kerana pendekatannya yang mengambil kira dimensi gender yang merupakan satu nilai tambah kepada keseluruhan proses P&P. Pendekatan ini penting kerana dimensi gender ini akan memberi input menyeluruh bagi menambah kefahaman terhadap isu – ketidakseimbangan yang dialami oleh masyarakat setempat.

Rangka ini juga dibina berdasarkan konsep valorisation atau penghayatan menyeluruh, yang berkaitan dengan ketersediaan dokumen-dokumen penting, akses kepada aktiviti yang bersesuaian dengan pemegang taruh, dan penggunaan bahan-bahan penting untuk proses pemantauan dan penilaian bagi 34 projek solusi yang dipilih.

Antara tujuan proses Pemantauan dan Penilaian ialah:

- Untuk penghasilan modul SDG daripada perspektif gender
- Untuk membina kapasiti penilai-penilai APPGM-SDG
- Untuk menjalankan proses Mid-Term Review bagi kesemua Projek Solusi sebelum tarikh siap projek

Para penilai di rekrut melalui panggilan terbuka dimana 26 aplikasi diterima. 19 penilai dipilih dan mereka menyertai bengkel dalam talian pada 7 dan 8 Januari 2021. Namun begitu, salah seorang penilai terpaksa meninggalkan penyertaan di atas sebab yang tidak dapat dielakkan. Kebanyakan penilai adalah ahli akademik dengan Ijazah Sarjana dan dua daripada penilai ini adalah pemegang Ijazah Sarjana Muda yang mahir dalam topik berkaitan SDG dan juga gender.

Modul Penilaian & Pemantauan berlandaskan Jantina (P&P SDG - Jantina) terdiri daripada pelbagai topik dan aktiviti yang diberikan dalam bentuk latihan kepada para Penilai: Pengenalan umum tentang APPGM-SDG, kerangka kerja P&P SDG - Jantina, "Getting Your Feet Wet" merangkumi temuramah dengan ketua-ketua Projek Solusi dan akhir sekali, Reporting Needs atau Pelaporan Keperluan. Setelah selesainya sesi latihan, penilai-penilai terpilih dijangka akan boleh menilai projek solusi melalui skop rangka P&P SDG-Jantina yang sesuai menggunakan lensa dan perspektif gender. Mereka juga melaksanakan temuduga dengan rakan-rakan pelaksana projek solusi yang berkerjasama supaya proses pelaksanaan projek dan impaknya dapat dinilai.

Setiap penilai diberikan satu atau dua Projek Solusi untuk dipantau dan dinilai. Mereka bermula dengan mengkaji dokumen-dokumen utama yang berkaitan dengan projek solusi tersebut. Antara dokumen-dokumen ini adalah, kertas kerja cadangan, laporan bulanan, gambar-gambar dan juga video. Selepas itu, penilai-penilai projek ini diberikan masa selama sebulan untuk melengkapkan tugas-tugas mereka melalui temuduga dalam talian dan juga penulisan laporan. Penilai-penilai juga dibantu dengan templat soalan untuk temuduga dan juga laporan tersebut. Jadual 4 dibawah memberikan informasi bagi pelaksanaan P&P SDG - Jantina.

Jadual 4

Garis masa pelaksanaan P&amp;P SDG - Jantina

Garis Masa	Aktiviti	Hasil Kerja
Okt 2020	Mesyuarat Awal	Penetapan garis masa aktiviti
Nov - Dis 2020	Pembangunan modul P&P SDG - Jantina	Modul P&P SDG - Jantina Pengambilan Penilai
Jan - Feb 2021	Bengkel latihan dalam talian kepada para Penilai Penghantaran laporan daripada Penilai Sesi perbincangan akhir bersama Penilai	Penilai terlatih 34 laporan daripada Penilai Senarai cabaran yang dialami oleh Penilai
Mac 2021	Penyediaan laporan P&P SDG-Jantina (Separuh Penggal)	Penyediaan Laporan P&P SDG-Jantina (Separuh Penggal) bagi Sekretariat APPGM-SDG
April- Mei 2021	Penyelesaian Projek Solusi tahun 2020	
Jun- Jul, 2021	Bengkel Latihan dalam talian bagi Penilaian Akhir Penyerahan Laporan daripada Penilai Sesi perbincangan akhir bersama Penilai	
Ogos 2021	Penyediaan laporan P&P SDG-Jantina (Penuh)	Penghantaran laporan P&P SDG-Jantina (Penuh) bagi kohort 1 kepada pihak Sekretariat

Terdapat tiga cabaran utama yang dialami pasukan P&P. Cabaran pertama adalah mengenai penghasilan modul P&P SDG - Jantina memerlukan rangka konsep berasaskan prinsip-prinsip yang mengambil kira elemen jantina. Semua elemen ini mesti digambarkan di dalam soalan-soalan soal selidik kerana ianya adalah instrumen utama yang digunakan oleh penilai-penilai. Cabaran ini diselesaikan dengan input-input daripada rakan-rakan dan ahli berkepentingan strategik termasuk pihak UNDP dan ahli pakar gender daripada NCWO.

Cabaran kedua adalah berkenaan kawalan pergerakan disebabkan pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini. Kesemua 34 projek ini berjalan pada waktu yang sama tetapi disebabkan pandemik ini, ada projek-projek yang ketinggalan. Oleh sebab itu, penilaian separuh penggal hanya boleh dilaksanakan meliputi fasa awal iaitu fasa perancangan projek solusi.

Akhirnya, cabaran ketiga ialah penilai-penilai menghadapi kekangan dari segi infrastruktur berikutan kebanyakan aktiviti penilaian yang dijalankan di dalam talian sering terganggu kerana sambungan internet yang tidak stabil. Untuk mengatasi cabaran ini, pasukan APPGM-SDG telah menyediakan tiga pautan sambungan alternatif.

Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada Suruhanjaya Nasional UNESCO Malaysia (National Commission of UNESCO Malaysia (NATCOM)) yang telah memberi dana untuk penghasilan modul P&P ini. Terima kasih juga kepada Institut Kajian Malaysia & Antarabangsa (IKMAS, UKM), Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM), dan SDG Academic Network UNU-IIGH (SDG-AN) sebagai rakan-rakan strategik bagi pelaksanaan proses P&P ini.

# Maklumat Institusi

Oleh Nur Rahmah Othman (Pegawai Program, APPGM-SDG)

## 1. Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG:

Ahli-ahli Jawatankuasa APPGM-SDG terdiri daripada Ahli-ahli Parlimen (Dewan Rakyat & Negara) yang merangkumi parti kerajaan dan pembangkang. Mereka adalah seperti berikut:



**YB Dato' Seri Hajah Rohani  
Abdul Karim**  
*Pengerusi*  
Batang Lupar (P201)



**YB Puan Maria Chin Abdullah**  
*Naib Pengerusi*  
Petaling Jaya (P105)



**YB Tuan William  
Leong Jee Keen**  
*Setiausaha*  
Selayang (P097)



**YB Dr. Kelvin Yii Lee Wuen**  
*Bendahari*  
Bandar Kuching (P195)



**YB Tuan Ahmad Hassan**  
*Ahli (Dewan Rakyat)*  
Papar (P175)



**YB Tuan Wong Tack**  
*Ahli (Dewan Rakyat)*  
Bentong (P089)



**YB Senator Adrian  
Bannie Lasimbang**  
*Ahli (Dewan Negara)*  
Sabah



**YB Senator Datuk Paul Igai**  
*Ahli (Dewan Negara)*  
Sarawak

## 2. Sekretariat APPGM-SDG:

Sekretariat APPGM-SDG terdiri daripada:



**Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria**  
*Ketua Sekretariat*



**Dr. Lin Mui Kiang**  
*Ketua Solusi*



**Cik Lavanya Rama Iyer**  
*Ketua Kewangan*



**En. Alizan Mahadi**  
*Ketua Penyelidik*



**Dr. Zainal Abidin Sanusi**  
*Ketua Penyelidik*



**Cik. Nur Rahmah Othman**  
*Pegawai Program*



**En. Anthony Tan Kee Huat**  
*Pegawai Kewangan*



**En. Kon Onn Sein**  
*Bendahari*



**Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli**  
*Ahli*



**Pn. Omna Sreeni Ong**  
*Ahli*

## 3. Rakan Sekutu APPGM-SDG:



**Tan Sri Michael Yeoh**  
Kingsley Strategic Institute for Asia Pacific (KSI)



**En. Muhammad Faisal Aziz**  
Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM)



**En. Khalid Al-Walid**  
PHILANDURE Malaysia



**En. Jeffrey Phang**  
MyPJ



**4. Ketua Koordinator Fasa Perintis 2020:***Jadual 5**Ketua Koordinator (Fasa Perintis 2020)*

Nama	Kawasan Parlimen	Organisasi
En. Alizan Mahadi	Petaling Jaya	ISIS Malaysia
En. James Raj	Selayang	CSO Alliance
Dr. Murallitharan	Bentong	National Cancer Society Malaysia (NCSM)
Dr. Juita Mohamad	Jeli	ISIS Malaysia
En. Khalid Al-Walid	Pendang	PHILANDURE Malaysia
En. Kiu Jia Yaw	Tg. Piai	Malaysian Bar Council on Environment
Pn. Omna Sreeni Ong	Bandar Kuching & Batang Sadong	ENGENDER
Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli	Papar & Pensiangan	IKMAS-UKM

**5. Penyelidik Fasa Perintis 2020:***Jadual 6**Penyelidik Fasa Perintis 2020*

Nama	Kawasan Parlimen	Organisasi
En. Calvin Cheng Kah	Petaling Jaya	ISIS Malaysia
Dr. Lau Zhe Wei	Selayang	IIUM
Assoc. Prof. Dr. Khairul Azami Sidek	Bentong	IIUM
Assoc. Prof. Dr. Wan Amir Wan Zal	Jeli	Universiti Malaysia Kelantan
Assoc. Prof. Dr. Zaheruddin Othman	Pendang	Universiti Utara Malaysia
Assoc. Prof. Dr. Irina Safitri Zen	Tg. Piai	IIUM
Assoc. Prof. Dr. Zaimuariffudin Shukri Nordin	Bandar Kuching & Batang Sadong	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
Assoc. Prof. Dr. Murnizam Halik	Papar	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Prof. Dr. Junaenah Sulehan	Pensiangan	University College Sabah Foundation (UCSF)

**Kumpulan Projek  
APPGM-SDG**



**Prof. Dato' Dr. Rashila Ramli**  
KETUA KOORDINATOR  
Papar & Pensiangan  
IKMAS-UKM



**Prof. Dr. Junaenah Sulehan**  
PENYELIDIK  
Pensiangan  
University College Sabah  
Foundation (UCSF)



**Assoc. Prof. Dr. Murnizam Halik**  
PENYELIDIK  
Papar  
Universiti Malaysia Sabah (UMS)



**En. Alizan Mahadi**  
KETUA PENYELIDIK/  
KETUA  
KOORDINATOR  
Petaling Jaya  
ISIS Malaysia



**Dr. Zainal Abidin Sanusi**  
KETUA PENYELIDIK  
Sejahtera Centre,  
IIUM



**Mrs. Omna Sreeni Ong**  
KETUA  
KOORDINATOR  
Bandar Kuching &  
Batang Sadong  
Engender



**Dr. Murallitharan**  
KETUA  
KOORDINATOR  
Bentong  
National Cancer  
Society Malaysia  
(NCSM)



**En. Kiu Jia Yaw**  
KETUA KOORDINATOR  
Tg. Piai  
Malaysian Bar Council  
on Environment



**Mr. Khalid Al-Walid**  
KETUA  
KOORDINATOR  
Pendang  
PHILANDURE  
Malaysia



**Dr. Juifa Mohamad**  
KETUA KOORDINATOR  
Jeli  
ISIS Malaysia



**Mr. James Raj**  
KETUA  
KOORDINATOR  
Selayang  
CSO Alliance



**Assoc. Prof. Dr. Zaimuariffudin Shukri Nordin**  
PENYELIDIK  
Bandar Kuching &  
Batang Sadong  
Universiti Malaysia  
Sarawak (UNIMAS)



**Assoc. Prof. Dr. Khairul Azami Sidek**  
PENYELIDIK  
Bentong  
IIUM



**Assoc. Prof. Dr. Irina Safitri Zen**  
PENYELIDIK  
Tg. Piai  
IIUM



**Assoc. Prof. Dr. Zaheruddin Othman**  
PENYELIDIK  
Pendang  
Universiti Utara  
Malaysia



**Assoc. Prof. Dr. Wan Amir Wan Zai**  
PENYELIDIK  
Jeli  
Universiti Malaysia  
Kelantan



**Dr. Lau Zhe Wei**  
PENYELIDIK  
Selayang  
IIUM

## 6. Tarikh-tarikh Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG:

7 mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG telah dijalankan sepanjang 2020:

Jadual 7

Tarikh-tarikh Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG (Fasa Perintis 2020)

Mesyuarat	Tarikh	Tempat
Mesyuarat Jawatankuasa 1	9 April 2020	Parlimen Malaysia
Mesyuarat Jawatankuasa 2	23 Jun 2020	Pautan Zoom
Mesyuarat Jawatankuasa 3	21 Julai 2020	Parlimen Malaysia
Mesyuarat Jawatankuasa 4	17 Ogos 2020	Parlimen Malaysia
Mesyuarat Jawatankuasa 5	16 Okt 2020	Pautan Zoom
Mesyuarat Jawatankuasa 6	25 Nov 2020	Rumah Kelab PAUM
Mesyuarat Jawatankuasa 7	17 Dis 2020	Parlimen Malaysia

## 7. Tarikh-tarikh Lawatan Tapak APPGM-SDG:

Jadual 8

Tarikh-tarikh Lawatan Tapak (Fasa Perintis 2020)

No.	Kawasan Parlimen	Nama Ahli Parlimen	Tarikh Lawatan
1.	Bentong, Pahang	YB Tuan Wong Tack	14-16 Jan 2020
2.	Tanjung Piai, Johor	YB Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng	18-20 Jan 2020
3.	Selayang, Selangor	YB Tuan William Leong Jee Keen	18-20 January 2020
4.	Kuching, Sarawak	YB Dr. Kelvin Yii Lee Wuen	2-4 Feb 2020
5.	Papar, Sabah	YB Hj. Ahmad Hassan	21-23 Feb 2020
6.	Batang Sadong, Sarawak	YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri	24-26 Feb 2020
7.	Pensiangan, Sabah	YB Datuk Arthur Joseph Kurup	25-27 Feb2020
8.	Petaling Jaya, Selangor	YB Puan Maria Chin Abdullah	19, 23 Feb & 5 Jun 2020
9.	Pendang, Kedah	YB Tuan Awang Hashim	18-20 Jul 2020
10.	Jeli, Kelantan	YB Dato' Sri Mustapa Mohamed	7-8 Ogos 2020

Jadual 9  
Senarai Tarikh Mesyuarat Utama APPGM-SDG Fasa Perintis 2020

No.	Mesyuarat	Objektif	Tarikh	Tempat
1	Unit Penyelarasan & Perlaksanaan (UPP)	Mesyuarat bersama Timbalan Ketua Pengarah - Sesi perkongsian berkaitan gerak kerja APPGM-SDG	12 Feb 2020	UPP, Putrajaya
		Mesyuarat bersama YB Datuk Arthur Joseph Kurup - Perbincangan umum mengenai APPGM-SDG & hal-hal berkaitan	9 Jun 2020	UPE, Putrajaya
2	Unit Perancang Ekonomi (UPE)	Mesyuarat bersama YB Datuk Arthur Joseph Kurup & pasukan - Sesi perkongsian hasil dapatan penyelidikan APPGM-SDG bagi penambahan input kepada RMK-12	9 Jul 2020	UPE, Putrajaya
		Sesi perkongsian input berkaitan "Final Poverty Report" yang diterbitkan oleh Bekas Pelapor UN	21 Jul 2020	UPE, Putrajaya
		Sesi perkongsian input APPGM-SDG bersama Bahagian Pembangunan Ekuiti UPE	18 Ogos 2020	UPE, Putrajaya
		Mesyuarat bersama YAB Dato' Sri Mustapa Mohamad & pasukan - Sesi Pengutamaan Isu bagi Jeli & Perbincangan umum berkaitan APPGM-SDG. Pengarah & Ketua-ketua bahagian UPE juga hadir	26 Ogos 2020	Parlimen Malaysia
		Mesyuarat bersama UPE berkaitan Belanjawan 2020	27 Ogos 2020	UPE, Putrajaya
3	Parlimen Malaysia	Mesyuarat bersama YDP Speaker Dewan Rakyat & Pasukan	28 Feb 2020	Parlimen Malaysia
		Mesyuarat bersama YDP Speaker Dewan Rakyat & Pasukan	26 Jun 2020	Parlimen Malaysia
		Mesyuarat bersama Pasukan Penyelidik Parlimen Malaysia berkaitan hasil penyelidikan APPGM-SDG	2 Jul 2020	Parlimen Malaysia
		Mesyuarat bersama YDP Speaker Dewan Rakyat & Pasukan	14 Ogos 2020	Parlimen Malaysia



No.	Mesyuarat	Objektif	Tarikh	Tempat
3	Parlimen Malaysia	Mesyuarat bersama YDP Speaker Dewan Rakyat & Pasukan	26 Ogos 2020	Parlimen Malaysia
		Sesi Rapat Umum APPGM-SDG bersama Speaker Dewan Rakyat & Ahli-ahli Parlimen	9 Dis 2020	Parlimen Malaysia
4	Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM)	Perkongsian statistik berkaitan SDGs oleh pihak JPMs	25 Ogos 2020	Parlimen Malaysia
		Mesyuarat bersama Timbalan Ketua Perangkawan - Sesi perkongsian berkaitan APPGM-SDG & kerjasama masa hadapan	1 Okt 2020	Parlimen Malaysia
5	UN Country Team	Mesyuarat bersama UN Country Team - Sesi perkongsian berkaitan APPGM-SDG & kerjasama masa hadapan	9 Sep 2020	Pejabat UN Malaysia
		Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Pertama: Agenda Pembangunan Pasca Covid-19	5 Ogos 2020	MTE, Putrajaya
6	Majlis Tindakan Ekonomi (MTE)	Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Kedua: Agenda Pembangunan Pasca Covid-19	11 Ogos 2020	MTE, Putrajaya
		Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Pertama: Perancangan bagi Perbincangan Meja Bulat bagi Agenda Pembasmian Kemiskinan	18 Sep 2020	MTE, Putrajaya
		Mesyuarat Jawatankuasa Kumpulan Kerja Pertama: Perancangan bagi Perbincangan Meja Bulat bagi Agenda Pembasmian Kemiskinan	23 Sep 2020	MTE, Putrajaya



Mesyuarat Bersama UN Malaysia Country Team 9 Sep 2020



Sesi Pengutamaan Isu Bersama YB Tuan Awang Hashim - Ahli Parlimen Pengang 26 Ogos 2020



Economic Action Council Workshop - Post Modernisation & New Socio Culture 13 Ogos 2020



Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Ke-4 17 Ogos 2020



Mesyuarat Bersama YB Dato' Sri Wee Jack Seng - Ahli Parlimen Tg. Piai 15 Julai 2020



Mesyuarat Bersama Dato' Sri Wan Junaidi - Menteri Pembangunan Usahawan & Koperasi 30 Dis 2020



Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Ke-3 21 Julai 2020



Mesyuarat Bersama Bekas Speaker Dewan Rakyat - Tan Sri Mohamad Ariff Md Yusoff 27 Februari 2020



Mesyuarat Bersama Speaker Dewan Rakyat - Datuk Azhar Azizan Harun 14 Ogos 2020



Mesyuarat Bersama YB Datuk Arthur Joseph Kurup - Timbalan Menteri Di JPM (Ekonomi)/Ahli Parlimen Peninsular 9 Julai 2020



Mesyuarat Bersama Pasukan Penyelidik Parlimen Malaysia 2 Julai 2020



Sesi Pengutamaan Isu Bersama Dato' Sri Mustapa Mohamed - Ahli Parlimen Jelai 25 Ogos 2020

## 9. Projek-projek Solusi Fasa Perintis 2020

Fasa Perintis 2020 APPGM-SDG telah melaksanakan 34 projek solusi di 10 kawasan parlimen yang terlibat. Rakan-rakan pelaksana terdiri daripada NGOs, CSOs, Perusahaan-perusahaan Sosial, Universiti Awam & Swasta.

Jadual 10  
Senarai Projek Solusi (Fasa Perintis 2020)

Kawasan Parlimen	No. Projek Solusi	Nama Projek Solusi	Rakan Pelaksana
Jeli	PS 27	Program Penternakan Ikan Talapia di Kampung Jerimbong, Jeli	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaya Kelantan (UMK)
	PS 28	Program Perusahaan Sosial Cendawan di Kampung Sungai Rual, Jeli	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaya Kelantan (UMK)
	PS 29	Program Perusahaan Sosial Ekopelancongan di Kampung Gunung Reng, Jeli	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaya Kelantan (UMK)
	PS 30	Program Perusahaan Sosial InoProduct di Kampung Sungai Rual, Jeli	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaya Kelantan (UMK)
Pendang	PS 31	Dialog Solusi bersama Agensi Kerajaan	Economic and Financial Policy Institute (ECoFI), UUM
	PS 32	Projek Eko-Pelancongan & Perusahaan Sosial Komuniti	Muliabudi Consulting PLT
Bentong	PS 01	Perkebunan Organik Orang Asli Sungai Olak, Karak, Pahang	Yayasan Kajian Pembangunan Masyarakat (YKPM)
	PS 02	Pembinaan "Telefilem Generasi Bentong"	Pertubuhan Pembangunan Generasi Daerah Bentong
	PS 33	Perkebunan Organik bagi Komuniti Luar Bandar	Persatuan Penggerak Hijau Malaysia (PPH) & SEEDS
Selayang	PS 18	Pengubahsuaian Flat Makmur	Pengurusan Taman Selayang Makmur
	PS 19	Latihan Kemahiran Operasi Kafe	Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak, Selangor (PSPK)

Kawasan Parlimen	No. Projek Solusi	Nama Projek Solusi	Rakan Pelaksana
Selayang	PS 20	Latihan Kemahiran Operasi Kafe	Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak, Selangor (PSPK)
	PS 21	Perusahaan Sosial & Keusahawanan Mikro	MySkills Foundation
	PS 22	Latihan Kemahiran Pembaikan Penghawa Dingin	MySkills Foundation
	PS 23	Pameran Pemerksaan Kemahiran Bengkel Pemasaran Digital	Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak, Selangor (PSPK)
	PS 24	Kelas Bahasa Malaysia bagi Pelarian Rohingya	Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak, Selangor (PSPK)
	PS 25	Bancian Perumahan	Pertubuhan Perkhidmatan Sosial dan Pembangunan Komuniti Daerah Gombak, Selangor (PSPK) & kolaborasi bersama Pusat Sejahtera, IIUM
Petaling Jaya	PS 14	Program Pemerksaan Wanita - Soup Kitchen di PPR Desa Mentari	Persatuan Penduduk Petaling Jaya 2017 (MyPJ)
	PS 15	Projek Pendidikan Di PPR Lembah Subang 1	Yayasan Generasi Gemilang
	PS 16	Siri Dialog Antara Agensi	Pertubuhan Pembangunan Komuniti dan Pembelajaran Berterusan
	PS 17	Penghasilan Panduan bagi Mengurus Krisis (Covid-19) Dalam Kalangan Komuniti (PPR)	Persatuan Penggerak Rakyat (PPR-PJ)
Tg. Piai	PS 03	Projek Pembersihan Sampah & Inisiatif Pusat Pembelian Semula di Kg. Air Masin & Kg. Melayu Jalan Benteng	Impact Revolution Enterprise
	PS 13	Projek Eko-Pelancongan	The Malaysia Ecology & Biodiversity Restoration Society (RESTORE) and Raleigh International Kuala Lumpur



Kawasan Parlimen	No. Projek Solusi	Nama Projek Solusi	Rakan Pelaksana
Papar	PS 10	Projek Akua	Fakulti Psikologi & Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)
	PS 11	Projek Agro	Fakulti Psikologi & Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS)
Pensiangan	PS 09	Perkebunan Organik & Pemerkasaan Ekonomi	Kelab Belia Kampung Sinaron (KBKS)
	PS 12	Program Keusahawanan Bagi kaum Wanita	University College Sabah Foundation (UCSF)
	PS 08	Kesihatan & Pembawaan Diri	Sabah Women 's Action Resource Group (SAWO)
Bandar Kuching	PS 06	Projek Sosio-Ekonomi – Kg. Selangan Batu	Persatuan Pemangkin Daya Masyarakat (ROSE)
	PS 07	Projek Inkubator kemiskinan – Kg. Chawan	Sarawak Dayak Iban Association (SADIA)
	PS 34	Latihan Kemahiran Pendawaian Elektrik	Persatuan Pemangkin Daya Masyarakat (ROSE)
Batang Sadong	PS 04	Projek Pemerkasaan Pemasaran & Mempromosi Pekebun Kecil serta SME	Persatuan Mahasiswa Fakulti Sains Kognitif & Pembangunan Manusia (UNIMAS)
	PS 05	Program Pemerkasaan Bahasa Inggeris	Persatuan Literasi Anak Malaysia (MYReaders)
	PS 26	Program Penjanaan Ekonomi bagi Wanita	Yayasan Salam Malaysia

## 10. Program-program Pembangunan Kapasiti Fasa Perintis 2020:

APPGM-SDG telah menjalankan 22 Program Pembangunan Kapasiti di 10 kawasan parlimen bagi Fasa Perintis 2020:

Jadual 11

Senarai Program Pembangunan Kapasiti APPGM-SDG (Fasa Perintis 2020)

Kawasan Parlimen	No. Program Pembangunan Kapasiti	Nama Program Pembangunan Kapasiti	Rakan Pelaksana
Jeli	PK 21	Perbincangan Meja Bulat antara Felcra & Penduduk Tempatan	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaya Kelantan (UMK)
	PK 22	Perbincangan Meja Bulat antara Felcra & Penduduk Tempatan	Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK), Universiti Malaya Kelantan (UMK)
Pendang	PK 23	"We Are The World: Embracing World Citizenhood & Localising SDG Workshop"	PHILANDURE
	PK 24	"LOKAL-Prenuer" - Bengkel Komuniti Berasaskan Perniagaan Bagi Kelestarian Ekonomi Komuniti Tempatan	Mulia Budi Consulting PLT
Bentong	PK 01	Mengarusperdanakan SDGs bagi Ketua Komuniti & NGOs sebagai Agen Pengubah	Pusat Sejahtera, IIUM
	PK 02	Mengarusperdanakan SDGs bagi Penjawat Awam sebagai Agen Pengubah	Pusat Sejahtera, IIUM
	PK 03	Bengkel Konsep Perkebunan Agro: 18-days Hot-Berkeley	Persatuan Penggerak Hijau in collaboration with SEEDS Malaysia
	PK 04	Bengkel akses kepada Bantuan Sosial dalam konteks kesihatan /Pemeriksaan Kesihatan	National Cancer Society Malaysia (NCSM)
Selayang	PK 17	Mengarusperdanakan SDGs: Komuniti Sebagai Agen Pengubah	Pusat Sejahtera, IIUM
	PK 18	Pemeriksaan Komuniti dan Penguatkuasaan Sistem Bantuan Sosial	Pertubuhan Pembangunan Komuniti dan Pembelajaran Berterusan (PPKPB)

Kawasan Parlimen	No. Program Pembangunan Kapasiti	Nama Program Pembangunan Kapasiti	Rakan Pelaksana
Petaling Jaya	PK 16	Membina Kepimpinan Melalui Pemetaan Budaya	Persatuan Penggerak Rakyat (PPR)
Tg. Piai	PK 05	Mengarusperdanakan SDGs bagi Ketua Komuniti, NGOs & Penjawat Awam sebagai Agen Pengubah	Pusat Sejahtera, IIUM
Papar	PK 15	Kesedaran SDGs & Penggunaanya di Dalam Skop Kerja Penjawat Awam & NGO	Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM)
	PK 20	Forum awam berkaitan Empangan Papar & Kelestarian Pengurusan Air di Sabah	PACOS Trust
Pensiangan	PK 12	Kesedaran SDGs & Penggunaanya di Dalam Skop Kerja Penjawat Awam & NGO	Persatuan Sains Sosial Malaysia (PSSM)
	PK 13	Kesedaran Hak Wanita & Kanak-kanak: Undang-undang & Kesihatan	Sabah Women's Action-Resource Group (SAWO)
	PK 14	Memperkasa Golongan Belia ke Arah Kerjaya	Tulid Youth Club (TYC)
Bandar Kuching	PK 09	Program Penilaian Keperluan - Kg. Chawan	Sarawak Dayak Iban Association (SADIA)
	PK 10	Program Penilaian Keperluan - Kg. Selangan Batu	Persatuan Pemangkin Daya Masyarakat (ROSE)
	PK 11	Konsultasi bersama Agensi & Pemegang Taruh	Associations Of Research And Development Movement, Singai, Sarawak (REEDEMS)
Batang Sadong	PK 08	Konsultasi bersama Agensi & Pemegang Taruh	Associations Of Research And Development Movement, Singai, Sarawak (REEDEMS)
	PK 19	Pemeriksaan Kesihatan Komuniti	Yayasan Salam

## 12. Tarikh-Tarikh & Maklumat Berkaitan Seminar/Bengkel Utama Fasa Perintis 2020

Jadual 12

Senarai Seminar/Bengkel Utama Fasa Perintis 2020

No.	Seminar/Bengkel	Tarikh	Tempat
1	<i>UN@75: The Future We Want &amp; The UN We Need</i>	14 & 15 Mei 2020	Secara Maya
2	<i>Economic Action Council Workshop: Post Modernisation and New Socio Culture</i>	13 Ogos 2020	Bangunan KBS, Putrajaya
3	<i>Economic Action Council Workshop: Balance Growth &amp; Sustainability</i>	27 Ogos 2020	Bangunan KBS, Putrajaya
4	<i>MASA Institute: Round Table Discussion on Social Capital</i>	2 Sep 2020	Kuala Lumpur
5	<i>Malaysia Urban Forum</i>	28 - 30 Sep 2020	Bangunan Sulaiman, KL
6	<i>Economic Action Council Round Table Discussion on Eradicating Poverty</i>	29 Sep 2020	UPE, Putrajaya

### 12. Malaysian CSO SDG Alliance & Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari

Malaysian CSO SDG Alliance telah aktif sejak Oktober 2015 di dalam hal SDG sebagai sebuah pakatan organisasi yang terlibat di dalam proses pembangunan ekonomi, sosial dan persekitaran. Malaysian CSO SDG Alliance telah bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi (EPU) sejak awal kerana EPU merupakan pemacu utama bagi pelaksanaan SDG di Malaysia. Malaysian CSO SDG Alliance juga disenaraikan sebagai antara Ahli Jawatankuasa Pemandu SDG Nasional yang ditubuhkan oleh EPU pada tahun 2016 dan telah mengambil bahagian secara aktif di semua seminar nasional pada tahun 2016 dan 2019 termasuk memberikan input kepada VNR Malaysia (2017 & 2021) dan Hala Tuju SDG Nasional (National SDG Road Map).

Pada peringkat awal penubuhan Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Lestari (KRPPM-MPL/APPGM-SDG) oleh Parlimen Malaysia, Malaysian CSO SDG Alliance telah memainkan peranan besar melalui siri-siri perbincangan dengan Speaker Dewan Rakyat pada masa itu. Sebagai pemain utama dalam mendepankan SDG, Malaysian CSO SDG Alliance telah dilantik sebagai Sekretariat rasmi untuk APPGM-SDG yang diketuai oleh Prof Datuk Dr. Denison Jayasooria.

Malaysian CSO SDG Alliance adalah sebuah pakatan organisasi yang merangkumi CSO, Akademik, Think Tanks, dan Individu. Sehingga kini, terdapat kira-kira 56 ahli kumpulan dengan 9 daripadanya disenaraikan sebagai Umbrella Organisations kepada Pakatan. Ahli-ahli kumpulan adalah berbeza antara satu sama lain dengan fokus dan kepakaran masing-masing



tetapi bergerak maju dengan subjek minat yang sama. Ahli-ahli Malaysian CSO SDG Alliance 2020 adalah seperti berikut:

Jadual 13  
Senarai Ahli Malaysian CSO-SDG Alliance Bagi Tahun 2020

AHLI-AHLI MALAYSIAN CSO-SDG ALLIANCE BAGI TAHUN 2020	
UMBRELLA ORGANISATIONS	
1	Malaysian Youth Council (MBM)
2	Malaysian Environmental NGOs (MENGO)
3	National Council of Women Organisations (NCWO)
4	Jaringan Orang Asal Se Malaysia (JOAS)
5	CSO SDG Alliance in Sarawak
6	Penang Forum
7	UN Global Compact Malaysia
8	FOMCA Federation of Malaysian Consumer Associations
9	MyCommunity4SDG
ORGANISASI-ORGANISASI INDIVIDU	
1	ABIM
2	Association of Women with Disabilities Malaysia
3	Asylum Access Malaysia
4	Bar Council Environment & Climate Change Committee
5	CRIB Foundation
6	C4 Centre
7	Centre for Research, Advisory & Technology (CREATE)
8	CETDEM
9	Childline Foundation
10	COMMACT Malaysia
11	Civil Society Partnership for Development Effectiveness (CPDE)
12	DHRAA Malaysia
13	ENGENDER Consultancy
14	Forest Stewardship Council
15	Foreign Spouses Support Group
16	Galen Centre for Health & Social Policy
17	PACOS, Sabah
18	My PJ
19	Impact Hub KL
20	International Youth Centre, KI

AHLI-AHLI MALAYSIAN CSO-SDG ALLIANCE BAGI TAHUN 2020	
ORGANISASI-ORGANISASI INDIVIDU	
21	Sudeep Inc
22	Islamic Renaissance Front
23	JKOASM
24	Junior Chamber International Malaysia (JCIM)
25	Justice for Sisters
26	KSI- Kingsley Strategic Institute
27	KOMAS
28	Koperasi Alam Hijau Perak Bhd
29	Malaysian CARE
30	Malaysian Association of Social Workers (MASW)
31	Malaysian Humanitarian Movement (MHM)
32	Malaysian Youth Delegation (MYD)
33	NCSM National Cancer Society, Malaysia
34	Non-Communicable Diseases Malaysia (NCD Malaysia)
35	Persatuan Sains Sosial Malaysia ( PSSM/ MSSA)
36	Persatuan Kesedaran Komuniti Selangor EMPOWER
37	Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA)
38	PHILANDURE
39	Society for the Promotion of Human Rights (PROHAM)
40	Reef Check Malaysia
41	Sarawak Orchid Society
42	WAO- Womens Aid Organisation
43	WWF Malaysia
44	YKPM - Yayasan Kajian & Pembangunan Masyarakat
45	Youth Society Hunger Hunter
46	Challenges Foundation
47	Caritas Malaysia

Dana yang diperuntukkan kepada APPGM-SDG diuruskan oleh Sekretariat dengan pemerhatian dan kelulusan langsung dari ahli Jawatankuasa APPGM-SDG. Sekretariat juga diminta untuk menyerahkan laporan aktiviti dan kewangan bulanan ke Parlimen Malaysia yang kemudian dikemukakan kepada Kementerian Kewangan sebagai sebahagian daripada pengawasan mereka terhadap dana tersebut.

Ahli-ahli Malaysian CSO SDG Alliance terus mengikuti kerja APPGM-SDG sepanjang tahun. Kumpulan Whatsapp dibuat untuk tujuan menyebarkan maklumat kepada semua ahli. Sebagai contoh, mereka diberitahu tentang setiap keputusan yang dibuat dan dijemout ke sebahagian besar acara rasmi dan lawatan tapak APPGM-SDG di kawasan parlimen. Mereka juga menjadi penyedia perkhidmatan tersebut.

untuk Program Pembangunan Kapasiti dan Projek Penyelesaian APPGM-SDG. Ini telah memberi penekanan yang sangat kuat kepada Matlamat 17 SDG yang menegaskan kepentingan perkongsian. Ahli-ahli Malaysian CSO SDG Alliance bertemu dari

semasa ke semasa untuk menilai perkembangan dan bekerjasama dalam setiap wacana berkaitan SDG. Malaysian CSO SDG Alliance juga sangat aktif dalam mengadakan forum perbincangan berkaitan polisi. Ianya adalah seperti berikut:

Jadual 14 Senarai Forum & Perbincangan Malaysian CSO-SDG Alliance Bagi Tahun 2020

No.	Program	Tarikh
1	<i>Multi-Stakeholder Conversation - Post Covid-19 Recovery: Development Plans, Policies and Programs</i>	20 April 2020
2	<i>Multi-Stakeholder Conversation - Post Covid-19 Recovery Agenda Based on SDGs: Building the Local Economy in Rural Areas</i>	27 April 2020
3	<i>Multi-Stakeholder Conversation - Post Covid-19 Recovery Agenda Based on SDGs: Building the Local Economy in Urban Areas</i>	29 April 2020
4	<i>Build Back Better for Health, Resilience &amp; Sustainability: Corporate Malaysia's &amp; Global Proposals for Post Covid-19 Recovery -In Collaboration with Climate Governance Malaysia (CGM)</i>	12 Mei 2020
5	<i>Post Covid-19: Global Partnership &amp; Cooperation - A conversation Among CSOs in Preparation Towards "The People Forum on The United Nations We Need"</i>	6 Mei 2020
6	<i>UN 75 National Conversation: Our Shared Global Visions &amp; Collective Agreement to Multilateralism - In Collaboration with UN Malaysia</i>	3 Jul 2020
7	<i>Online Conversation with Prof. Philip Alston (Former UN Special Rapporteur on Poverty &amp; Human Rights) on the Final Poverty Report of Malaysia - In Collaboration with PROHAM</i>	10 Jul 2020
8	<i>Online Conversation on Nelson Mandela Day: Building a Peaceful Society for All of Humanity - In Collaboration with PROHAM</i>	17 Jul 2020
9	<i>UN 75 National Youth Conversation - In Collaboration with International Youth Centre Foundation</i>	29 Sep 2020
10	<i>Online Policy Forum: 2020 Census &amp; Relevance</i>	6 Okt 2020
11	<i>Online Conversation: Watered Down Development in Selangor</i>	30 Okt 2020
12	<i>Global Community Builders Summit 2020 (GLOBS20) - In Collaboration with IIUM &amp; Philandure</i>	11 - 17 Nov 2020

Walaupun penglokalisasi SDG di peringkat kawasan parlimen adalah tugas utama APPGM-SDG secara keseluruhan, namun peranan konstruktif yang dimainkan oleh Malaysian CSO SDG Alliance dalam mendorong agenda ke hadapan harus dipuji. Malaysian CSO SDG Alliance telah memberikan banyak nilai tambah dalam memperkuat strategi dan hala tuju SDGs sehingga kini. Pendekatan multi-dimensi dan struktur institusi Malaysian CSO SDG Alliance yang rata (flat-based) memberikan gambaran kerjasama yang kukuh dalam penyampaian dan pelaksanaan perkhidmatan terutama di peringkat kawasan tempatan. Struktur seperti ini mendorong penyertaan sosial oleh semua pihak untuk terus bekerjasama bagi mendapatkan kejayaan yang diinginkan. Komposisi ahli-ahli Malaysian CSO SDG Alliance yang mempunyai latar belakang dan fokus kerja yang berlainan tetapi saling berkait antara satu sama lain merupakan tunjang utama bagi kelancaran proses penglokalisasi SDG.

#### **Entiti Sah**

Malaysian CSO SDG Alliance tidak mempunyai entiti sah walaupun semua ahli-ahlinya adalah organisasi yang berdaftar secara sah. Sebagai salah satu syarat pematuhan oleh Kementerian Kewangan bagi pemindahan dana kepada APPGM-SDG, Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari telah ditubuhkan dan didaftarkan dan ianya kini menjadi entiti sah sebagai Sekretariat untuk Malaysian CSO SDG Alliance. Mesyuarat Agung Tahunan pertama telah diadakan pada 9 Julai 2020 di mana pemilihan para pemegang jawatan telah dilakukan.



**PENYATAAN  
AKAUN YANG  
DI AUDIT**



Head office

No.14, Persiaran 65C, Pekeliling Business Centre,

Jalan Pahang Barat, Off Jalan Tun Razak, 53000 Kuala Lumpur.

Tel: +603-4024 6666 Fax: +603-4025 4833

Email: [info@tor.com.my](mailto:info@tor.com.my) Website: [www.tor.com.my](http://www.tor.com.my)Date : **03 MAR 2021****TO WHOM IT MAY CONCERN****EXTRACT FROM PERSATUAN PROMOSI MATLAMAT PEMBANGUNAN LESTARI (THE SOCIETY)  
AUDITED FINANCIAL STATEMENTS FOR THE FINANCIAL PERIOD ENDED 31ST DECEMBER  
2020.****6. ON-GOING PROJECT**2020

RM

**All Party Parliamentary Group Malaysia on Sustainable Development Goals  
(APPGM-SDG)**

First Tranche of Grant for 2020

1,000,000.00

Second Tranche of Grant for 2020

600,000.00

1,600,000.00

Auditors' remuneration

(4,000.00)

Secretariat expenses

(154,401.90)

Field visits and coordinating expenses

(42,027.82)

Research expenses

(78,155.36)

Project expenses

(780,246.00)

(1,058,831.08)

541,168.92

The above is extracted from the Note 6 to the financial statements of the audited financial statements of the Society for the financial period ended 31st December 2020.

The audited financial statements of the Society for the financial period ended 31st December 2020 have been prepared in compliance with the Malaysian Private Entities Reporting Standard ("MPERS") issued by the Malaysian Accounting Standard Board ("MASB") as well as the provision of the rules and regulations of the Society.

The audited financial statements of the Society for the financial period ended 31st December 2020 had been duly audited by Tor & Co.

Tor & Co.

Firm Number : AF:0575  
Chartered Accountants

TOR PEN KUAN 01211/11/2022 J  
Chartered Accountant

Branch

70A, Lebuhr Beringin, 42000 Port Klang, Selangor. Tel: +603-3167 2625 Fax: +603-3166 5741





MALYSIAN CSO SDG ALLIANCE

SECRETARIAT

ALL PARTY PARLIAMENT GROUP MALAYSIA ON SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (APPGM SDG)

A-07-09, Plaza Mont' Kiara, 2 Jalan Kiara, 50480 Kuala Lumpur

Email: [appgmsdgmy@gmail.com](mailto:appgmsdgmy@gmail.com)

Mobile: +6013 920 3550